



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN ~~KELAPAN~~
Parliament
Eighth Parliament
SEKSYEN KEEMPAT
Fourth Session ~~KEEMPAT~~

Jilid IV

Bil. 7

Hari Rabu

18hb Mei, 1994

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-DNDANG:	
Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 1994	(Ruangan 39)
Rang Undang-undang Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah (pindaan) 1994	(Ruangan 41)
Rang Undang-undang Kawalan Harga (Pindaan) 1994	(Ruangan 46)
Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1994	(Ruangan 80)
Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994	(Ruangan 111)

DN.18.5.94

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 18hb Mei, 1994

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D 0 A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

PENJUALAN BARANG TIRUAN/CETAK ROMPAK - MEMBANTERAS

1. Tuan Isli bin Haji Siput minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) apakah langkah dan rencana Kementerian akan ambil untuk membanteras kegiatan penjualan barang-barang tiruan serta operasi cetak rompak;
- (b) adakah beliau sedar program kotak cadangan pengguna yang diletakkan di tempat-tempat strategik di kawasan sekitar bandar Labuan telah terbiar dalam keadaan tidak terurus dan ada pula yang sudah pecah. Jika sedar, apakah program **ini** masih dititikberatkan lagi dan mengapa sambutan orang awam amat dingin terhadap program ini; dan
- (c) sama ada **beliau** sedar bahawa masih ramai peniaga yang menawarkan jualan dalam ktra kati dan ela serta membuat cadangan pilihan untuk membeli dalam kiraan lama atau sistem metrik. Jika sedar, apakah langkah Keraenterian untuk raenghapus sama sekali sistem imperial ini dan tidak membiarkan peniaga meletak tanda harga yang mengelirukan **seperti** contohnya dalam 600gm dan bukan dalam kiraan 1000gm atau 1kg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah, sedang dan akan mengambil beberapa langkah dalam usaha membanteras kegiatan penjualan barang-barang tiruan serta operasi cetak rompak. Antara langkah-langkah tersebut ialah:-

- (i) mempertingkatkan pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan di semua peringkat di seluruh negara bagi menentukan tidak ada penjualan barang-barang tiruan atau cetak rompak;
- (ii) bekerjasama dengan syarikat-syarikat pengeluar barangan tulen dan tuan punya hak cipta supaya mengemukakan maklumat dan aduan ke atas pihak-pihak yang membuat dan menjual barang-barang tiruan dan cetak rompak;
- (iii) mengambil tindakan tegas melalui tindakan undang-undang ke atas pihak-pihak yang membuat dan menjual barang-barang tiruan atau cetak rompak;
- (iv) mengadakan pendidikan pengguna melalui seminar, ceramah, bengkel dan pameran dengan tujuan untuk membolehkan pengguna mengetahui hak dan tanggungjawab mereka supaya tidak membeli barang-barang tiruan atau cetak rompak. Di samping itu, mereka juga diminta untuk

mengemukakan laporan kepada Kementerian sekiranya mengetahui berlakunya aktiviti-aktiviti yang tidak sihat ini.

- (b) Kementerian sedar bahawa kotak-kotak cadangan di bandar Labuan telah dirosakkan. Sungguhpun penggantiannya telah dibuat, kotak-kotak itu masih juga dirosakkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerosakan kotak-kotak cadangan yang dipasangkan ini bukan sahaja berlaku di Labuan tetapi juga berlaku di tempat-tempat lain di seluruh negara. Ini berlaku kerana masih terdapat kurangnya kesedaran sivik dan kepenggunaan dikalangan masyarakat di negara ini. Berikutan daripada sambutan dingin dan kerosakan kotak-kotak cadangan ini, Kementerian sedang membuat kajian sama ada program ini wajar diteruskan atau sebaliknya.

- (c) Kementerian sedar masih ada peniaga-peniaga yang menawarkan jualan dalam kiraan kati dan ela serta membuat cadangan pilihan untuk membeli dalam kiraan lama atau sistem metrik. Walau bagaimanapun bilangan peniaga yang mengamalkan cara ini adalah kecil. Bagi menghapuskan amalan ini Kementerian telah, sedang dan akan melaksanakan program pendidikan peniaga dengan matlamat supaya para peniaga mengetahui peranan dan tanggungjawab mereka serta mempamerkan sukatan dan timbangan dalam sistem metrik

sahaja. Dalam hubungan ini, para peniaga digalakkan mempamerkan harga barangan yang ditawarkan untuk jualan di dalam unit sukatan kilogram sahaja. Penandaan harga barangan dengan menggunakan sukatan ini memudahkan pengguna membuat perkiraan apabila membuat pembelian.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bekerjasama dengan Kementerian Penerangan dalam memberi pendidikan kepada pengguna terutama sekali penduduk-penduduk luar bandar bagi membanteras kegiatan barang-barang tiruan dan barang-barang yang telah ditolak oleh insurans. Misal kata, di kawasan-kawasan pelabuhan terdapat banyak barang-barang yang ditolak oleh insurans dan ini dibeli oleh pekedai-pekedai dan dijual di luar-luar bandar. Seringkali perkara ini berlaku di luar-luar bandar di mana ramai orang luar bandar membeli.

Dato' Abdul Kadir bin **Haji** Shcikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian bukan sahaja bekerjasama dengan Kementerian Penerangan tetapi juga dengan Kementerian-kementerian lain untuk maksud apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi termasuk Kementerian Pendidikan dan sebagainya. Asas ikhtiar pihak Kementerian untuk mengatasi masalah ini adalah dengan pendidikan pengguna. Ini sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedar, kita sedang memperbesarkan ikhtiar itu iaitu pendidikan kepenggunaan menerusi sekolah, seminar dan sebagainya serta juga menerusi kaca TV. Insya

Allah lama-kelamaan saya rasa dengan adanya kesedaran di kalangan rakyat maka masalah-masalah yang dibangkitkan itu akan dapat diatasi.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, suatu ketika dahulu pegawai-pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-ehwal Pengguna sungguh aktif menjalankan rondaan membanteras kegiatan penjualan barang-barang tiruan ataupun barang-barang yang telah luput hayat penggunaannya di pasar-pasar malam. Jadi, apakah tindakan-tindakan itu masih diteruskan sekarang kerana didapati peniaga-peniaga pasar malam inilah yang menjadi tumpuan penjualan barang-barang tiruan?

Yang keduanya, soalan tambahan saya ialah tidak mengenai penjualan barang-barang tiruan tetapi mengenai jualan-jualan murah yang dianjurkan oleh syarikat-syarikat. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa walaupun mengikut peraturarmya dalam setahun hanya empat kali sahaja sesebuah syarikat dibenarkan untuk melakukan jualan murah tetapi masih terdapat syarikat yang mengadakan jualan murah hampir sepanjang tahun? Saya boleh beri secara spesifik dalam soal ini iaitu sebuah syarikat barang-barang elektrik yang disenaraikan di BSKL sendiri pun boleh dikatakan menggunakan istilah "Penjualan Hari Raya Haji, Hari Raya Puasa, Krismas, Penghujung Tahun, Percutian, Penghabisan Stok" dan berbagai-bagai istilah lagi digunakan dan boleh dikatakan sepanjang tahun syarikat ini mengadakan jualan murah.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, rondaan dan pemeriksaan terhadap barang-barang tiruan memang dijalankan sepanjang masa. Tetapi walau bagaimanapun rondaan dibuat, pemeriksaan dibuat, sudah tentulah pegawai-pegawai Kementerian tidak dapat kata orang 'merangkumi pemeriksaan mereka ke seluruh negara'. Maka dalam hubungan ini kita perlulah kerjasama dari rakyat supaya dapat menghubungi pihak Kerajaan juga jika mereka terdapat penjualan barang-barang tiruan di mana-mana sahaja.

Jadi, kita berharap dengan adanya peningkatan kesedaran kepenggunaan, maka kita akan dapatlah kerjasama dari rakyat. Begitu juga dengan 'jualan murah'. Sebagaimana kita tahu, kita telah pun meminda undang-undang, kita telah ketatkan peraturan-peraturan jualan murah dan sekarang perlu mendapat kebenaran dari Kementerian dahulu sebelum mengadakan jualan murah tetapi ada kemungkinan terdapat juga beberapa kedai yang menjalankan jualan murah ini tanpa pengetahuan Kementerian atau pegawai-pegawainya sepanjang masa seperti yang telah dapat terbukti oleh Ahsip Yusif Berhogeni pada

Jadi, kalau terdapat bukti-bukti spesifik mengenai keadaan ini, kami mintalah kerjasama supaya dapat dilaporkan kepada pihak Kementerian.

Tuan **Shahiruddin** bin Ab. Moin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tidak ingin hendak membangkitkan barang tiruan,

tetapi hendak membangkitkan wang tiruan. Oleh kerana sekarang ini banyak wang tiruan khususnya wang kertas RM50, jadi soalnya adakah pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bekerjasama dengan pihak Bank Negara menjelaskan ciri-ciri kepalsuan wang kertas ini kepada pihak pengguna negara ini?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jawapan berkenaan perkara ini saya kena minta tolong dari Ahli Yang Berhormat Senator di depan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan dalam bidang kuasa Kementerian ini.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Maaf! Jadi, memanglah sebagaimana yang kita tahu ini bukanlah sebenarnya masuk dalam bidang kuasa Kementerian, tetapi ini memang dalam perhatian pihak Kerajaan.

BAKAL HAJI - JUMLAH PENDAFTARAN DAN WANG TAMBANG

2. Tuan Hanipah bin Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) berapa ramaikah umat Islam yang sudah mendaftar diri bagi menunaikan Haji tahun ini (Hijrah 1414) mengikut daftar negeri-negeri dan berapa jumlah kutipan tambang Haji yang dikutip dari bakal-bakal Haji tersebut;
- (b) bagaimanakah Tabung Haji berurusan dengan wang tambang Haji dari bakal-bakal Haji yang tidak termasuk dalam senarai mengikut kuota yang ditetapkan oleh Arab Saudi; **dan**

- (c) berapa ramai yang dapat menunaikan Haji pada tahun ini, mengikut negeri-negeri.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman

bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perangkaan pendaftaran haji mengikut negeri adalah seperti berikut:-

Negeri	Pendaftaran
Ibu Pejabat Tabung Haji	1,261
Perlis	500
Kedah Darul Aman	4,200
Pulau Pinang	2,183
Perak Darul Ridzuan	3,126
Selangor Darul Ehsan	3,709
Wilayah Persekutuan	2,898
Melaka	1,690
Negeri Sembilan Darul Khusus.	1,655
Johor Darul Takzim	4,800
Pahang Darul Makmur	1,930
Terengganu Darul Iman	2,752
Kelantan Darul Naim	3,522
Sabah	1,768
Sarawak	1,385

JUMLAH:	37,379
	=====

Jumlah wang naik haji yang dipungut ialah RM222,634,010.00.

- (b) Wang naik haji bagi bakal-bakal haji yang tidak terpilih tahun ini akan dilaburkan, mereka akan menerima pulangan dalam bentuk bonus dan kadar bayaran bonus bergantung kepada keuntungan yang diperolehi setelah ditolak bayaran zakat pada akhir tahun kelak.

ATAU

Mereka boleh mengeluarkan wang mereka dan mendaftar semula pada mana tahun yang mereka pilih tertakluk kepada kekosongan tempat di dalam kuota yang ditetapkan.

- (c) Jumlah bakal-bakal haji yang dapat menunaikan fardu haji pada tahun ini ialah 19,000 dan pecahan mengikut negeri ialah seperti berikut:-

Negeri	Pendaftaran
Ibu Pejabat Tabung Haji	175
Perlis	159
Kedah Darul Aman	2,137
Pulau Pinang	914
Perak Darul Ridzuan	1,977
Selangor Darul Ehsan	1,930
Wilayah Persekutuan	641
Melaka	1,218
Negeri Sembilan Darul Khusus	940
Johor Darul Takzim	2,596
Pahang Darul Makmur	1,053
Terengganu Darul Iman	1,260
Kelantan Darul Naim	2,628
Sabah	690
Sarawak	682

JUMLAH:	19,000
	=====

Puan Hajah Rahmah binti Salleh: Tuan Yang di-Pertua, apakah pendaftar-pendaftar bakal haji yang dinyatakan tadi, adakah termasuk bakal-bakal haji yang tak dapat menunaikan haji pada tahun ini?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, memang jumlah yang saya sebutkan tadi, pertamanya bahagian (a) itu ialah merupakan jumlah kesemua yang berdaftar dengan Tabung Haji iaitu 37,379. Jadi, yang dapat menunaikan fardu haji ialah 19,000, jadi bakinya itu selepas ditolak 19,000 itulah jumlah yang tidak dapat menunaikan haji pada tahun ini.

Tuan Mohd. **Zain. bin Haji** Mat Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut apa yang dinyatakan oleh Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri tadi, pada tahun ini negeri Kelantan mempunyai ramai sekali bakal-bakal haji yang mengerjakan haji di Tanah Suci. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan penerbangan terus daripada Kota Bharu ke Jeddah sebagaimana yang dilakukan di Johor Bahru dan juga di Pulau Pinang?

Tuan Othman **bin** Abdul: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kita belum bercadang untuk mengadakan penerbangan terus daripada Kota Bharu memandangkan kita perlu menggunakan beberapa kemudahan termasuk pemeriksaan Imigresen, Kastam dan sebagainya, jadi kemungkinan insya Allah, tetapi buat masa ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk menjadikan Kota Bharu untuk bakal-bakal haji bertolak terus ke Jeddah.

Tuan Haji Shuib bin Shawal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada beberapa peristiwa yang berlaku baru-baru ini, satu kumpulan suami isteri yang telah mendaftar untuk pergi ke Mekah, tiba-tiba si isteri sahaja yang dipilih untuk dibenarkan pergi dan

manakala satu keluarga pula yang mendaftar bersama dalam satu kumpulan seramai 4 orang, tiba-tiba salah seorang daripada keluarganya di tolak. Dan apakala ayahnya telah meninggal dunia, yang ditolak' tadi telah pergi untuk mendapatkan tempat ganti - juga di tolak. Jadi, saya ingin tahu bagaimana kes-kes. seumpama ini boleh berlaku sedangkan si isteri sepatutnya mempunyai muhrim untuk menunaikan haji ke Mekah. Dan bagaimana cara-cara pemilihan ini dibuat?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjelaskan perkara ini semasa menggulung perbahasan mengenai Jabatan Perdana Menteri minggu lalu. Jadi, sukalah saya menjelaskan sekali lagi bahawa pendaftaran itu dijalankan iaitu dicatatkan tiap-tiap saat pendaftaran itu dilakukan dan dimasukkan ke dalam komputer masa yang didaftarkan. Walaupun suami isteri itu mungkin berselang dua, tiga minit, tetapi mungkin seorang yang berdaftar di Alor Setar misalnya pada pukul 9.01 minit, kemudian yang berdaftar di Johor Bahru 9.02 minit dan isterinya 9.03 minit, maka sudah pasti dianya akan tertinggal apabila kita melihat di dalam komputer yang dipusatkan di Ibu Pejabat Tabung Haji, kita mengambil 19,000 yang teratas bagi bakal-bakal haji ini menunaikan haji.

Jadi, perkara ini memang saya tidak menafikan, memang terdapat ada di dalam ahli keluarga yang tidak dapat menunaikan haji, tercicir satu orang, ataupun suarai isterinya terpaksa terpisah disebabkan oleh pendaftaran yang mencatatkan tiap-tiap saat pendaftaran itu.

Jadi, perkara ini memang tidak dapat dielakkan dan pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan memperkemaskan lagi pada tahun yang akan datang. Pendaftaran yang akan diadakan sekarang ini akan diberikan nombor merit yang tertentu, yang membolehkan bakal haji itu tahu pada tahun bila dia boleh mengerjakan haji. Jadi, ini akan membolehkan bakal-bakal haji itu dapat bersedia dengan lebih lengkap dirinya, apabila mereka ini diterima untuk menunaikan fardu haji pada tahun-tahun yang berkenaan.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan Arab Saudi telah pun menetapkan kuota 19,000 setiap tahun jemaah haji daripada Malaysia, daripada, bilangan hampir 40,000 yang telah pun mendaftar. Jadi, adakah pihak Tabung Haji atau pihak Jabatan Perdana Menteri pula ingin mengadakan kuota bagi tiap-tiap negeri di seluruh Semenanjung?

Tuan Othman bin **Abdul**: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membetulkan kenyataan Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba bahawa bukan Kerajaan Arab Saudi yang menetapkan kuota, tetapi negara-negara OIC yang telah bersidang menetapkan bahawa hanya 0.01% daripada jumlah penduduk sebuah negara yang dibenarkan untuk menunaikan fardu Haji. Saya menjelaskan bahawa Kerajaan ataupun Tabung Haji tidak akan menetapkan kuota bagi negeri-negeri kerana kita mempunyai satu sistem komputer berpusat yang baik di Lembaga Urusan dan Tabung Haji, di mana tiap-tiap masa pendaftaran itu dilakukan, maka orang-orang yang mendaftarkan dahulu, 'first come first serve', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, yang daftar dahulu, insya Allah akan dapat menunaikan fardu Haji.

PERSIDANGAN KUMPULAN 15 (G-15) - KURANG SAMBUTAN

3. Tuan Itam Wali bin Nawan minta Menteri Luar Negeri menyatakan bahawa baru-baru ini Persidangan Kumpulan 15 (G-15) di New Delhi, India kurang mendapat sambutan sehingga tidak cukup kuorum. Melalui maklum balas dan maklumat yang dikumpulkan, adakah keadaan tersebut berupa satu sabotaj atau boikot terhadap Malaysia yang bersungguh-sungguh mahu menegakkan keadilan.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Dewan sedia maklum, lanjutan daripada Sidang Kemuncak Ke IV G-15 yang ditangguhkan pada 12hb hingga 15hb Disember 1993, Sidang Kemuncak Ke IV G-15 tersebut telah diadakan semula pada 28hb hingga 30hb Mac 1994 di New Delhi. Persidangan ini telah dihadiri oleh 7 orang Ketua Negara/Kerajaan dari India, Indonesia, Malaysia, Nigeria, Senegal, Zimbabwe dan Argentina. Negara-negara ahli yang lain iaitu Algeria, Brazil, Jamaica, Mesir dan Venezuela diwakili oleh Perutusan Khas Ketua-ketua Negara/Kerajaan masing-masing. Peru dan Chile diwakili peringkat Menteri Luar. manakala Mexico tidak menghadiri persidangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kehadiran Ketua-ketua Negara/Kerajaan G-15 tidak berapa memuaskan, mereka yang hadir di New Delhi telah menegaskan kepercayaan bahawa G-15 masih relevan dan berguna sebagai jentera bagi mempertingkatkan kerjasama Selatan-Selatan yang merupakan tujuan asal Kumpulan ini ditubuhkan. Mereka juga menekankan pentingnya G-15 ini diberi nafas baru supaya ianya akan menjadi lebih dinamik. Adalah tidak benar sebab kekurangan korum ini adalah disebabkan oleh tindakan sabotaj atau boikot terhadap Malaysia memandangkan Wakil-wakil Khas bagi Ketua-ketua/Kerajaan yang tidak hadir masih terus memberikan sokongan dan mandat baru untuk keberkesanan Kumpulan G-15.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkait dengan G-15 juga saya difahamkan bahawa sumbangan kepada SITTDEC juga kurang memuaskan sehingga SITTDEC kini menghadapi masalah kekurangan dana atau wang, dan ini mungkin menjejaskan

operasinya, sungguhpun peranan yang dimainkan olehnya begitu penting sekali. Adakah ini benar, dan kalau benar apakah sebab-sebabnya, dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya?

Dato' Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi satu masalah bukan sahaja sumbangan kepada SITTDEC, tetapi juga sumbangan kepada kesemua badan-badan antarabangsa, memang menjadi satu problem, satu masalah besar. Namun demikian, pihak Kerajaan kita sekurang-kurangnya memang mematuhi segala apa yang telah dikenakan kepada kita. Perkara ini tidak boleh diselesaikan secara berasingan oleh kita, tetapi insya Allah di mana-mana sahaja dalam forum antarabangsa pihak Kerajaan Malaysia memang menekankan tentang peri mustahaknya semua negara-negara yang menjadi ahli mana-mana juga pertubuhan antarabangsa supaya mematuhi segala persetujuan yang telah pun mereka persetujui bersama dari masa ke semasa.

PEKERJA-PEKERJA KILANG - PENYEDIAAN ASRAMA

4. Puan Rosalind Yau Shuk Meng minta Menteri Sumber Manusia menyatakan masih terdapat kerumitan pekerja-pekerja kilang, terutamanya soal penginapan, kebajikan dan keselamatan mereka, Adakah Kerajaan bercadang membina asrama-asrama secukupnya untuk dimuatkan pekerja-pekerja ini. Bolehkah Kerajaan mensyaratkan pekilang memastikan adanya tempat tinggal yang berbentuk asrama bagi mereka yang datang dari jauh dari tempat kerja. Kalau tidak, sejauh manakah tanggungjawab majikan menjaga kebajikan pekerja masa ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' H. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat sebarang undang-undang yang mewajibkan majikan-majikan di sektor pembuatan menyediakan asrama untuk pekerja-pekerja mereka. Walau bagaimanapun, majikan-majikan sentiasa digalakkan dan digesa supaya menyediakan asrama. Hasil dari galakan dan gesaan ini semakin ramai majikan telah menyediakan asrama lebih-lebih lagi di dalam keadaan pasaran buruh yang ketat sekarang di mana asrama-asrama yang disediakan menjadi satu insentif untuk menarik pekerja-pekerja bekerja dengan majikan-majikan yang berkenaan.

Di samping itu, beberapa Kerajaan Negeri seperti Johor, Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan ada melaksanakan rancangan khas bagi tujuan menyediakan kemudahan perumahan untuk pekerja-pekerja di sektor pembuatan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ho Cheng Wang.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Soalan No .5.

SIARAN TV - GANGGUAN PANCARAN PENERIMAAN

5. Tuan Chong Chi Siong [di bawah S.0.23(2)] minta Menteri Penerangan menyatakan adakah sedar atau tidak kegunaan telefon mobil (frekuensinya) telah mengacau visi televisyen di beberapa tempat dalam negeri Perak. Jikalau sedar, apakah tindakan akan diambil oleh Kementerian.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa-masa lalu memang terdapat gangguan pancaran penerimaan siaran TV daripada mereka yang menggunakan sistem kelui (pager). Pihak Jabatan Telekom telah mengarahkan syarikat-syarikat kelui tersebut supaya memasang "filters" pada pancaran mereka supaya dapat mengelakkan gangguan radiasi yang mengakibatkan gangguan penerimaan siaran TV. Walau bagaimanapun, gangguan yang serupa ini telah dapat diatasi.

Sementara itu, kami tidak begitu pasti mengenai gangguan pancaran yang disebabkan oleh talian telefon bergerak (mobile telefon). Kami akan membincangkan masalah ini dengan pihak Jabatan Telekom untuk mengenal pasti dan menyasat masalah **ini**. Perkara ini akan dapat diatasi dengan lebih mudah lagi sekiranya penduduk-penduduk yang merasakan akan gangguan pancaran siaran TV seperti itu supaya menulis kepada RTM serta memberikan maklumat, butir-butir dan lokasinya sekali.

USAHAWAN IKS - KERJASAMA DARI INDUSTRI/SYARIKAT BESAR

6. Tuan Saidin **bin** Mohamad minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada Kerajaan akan menentukan kilang-kilang perusahaan memberi peluang atau bekerjasama dengan usahawan IKS bagi melaksanakan sebahagian daripada pengeluaran kilang atau membantu pengwujudan IKS.

Timbalan Menteri **Perdagangan** Antarabangsa dan Industri [Dato' S.S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya mempunyai dasar dan program tertentu untuk memastikan industri besar dan syarikat-syarikat multinational (MNC) memberi peluang kepada industri kecil dan sederhana (IKS) menjadi syarikat vendor, iaitu pembuat dan pembekal input perindustrian. Kerajaan telah melancarkan Program Pembangunan Vendor (PPV) pada tahun 1988 dengan Perusahaan Otomobil Nasional Bhd. (PROTON) menjadi syarikat 'anchor'¹ yang pertama. Objektif utama program ini adalah untuk membantu pembangunan syarikat-syarikat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia sebagai pengeluar input-input perindustrian yang berdaya maju dalam sektor-sektor dan subsektor yang berpotensi.

Sehingga ini sebanyak 23 buah syarikat 'Multinational Companies/Large Scale Industries' dengan izin, telah bekerjasama dengan Kerajaan sebagai syarikat 'anchor'¹ bagi program ini. Adalah dijangkakan sehingga akhir Rancangan Malaysia Keenam sebanyak 40 buah syarikat MNC akan memberi kerjasama menyertai program dan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak 50 buah lagi dijangka akan turut menyertai program tersebut. Penyertaan syarikat-syarikat MNC adalah dalam bentuk menyediakan peluang—peluang pasaran dan bantuan kewangan serta teknikal kepada syarikat-syarikat IKS.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 90 buah syarikat MNC lagi telah dikenal pasti untuk dilantik sebagai syarikat 'anchor.' Adalah dijangkakan dengan kerjasama syarikat-syarikat berkenaan, sebanyak 900 buah syarikat-syarikat IKS akan dapat dibangunkan sebagai syarikat-syarikat vendor yang kukuh dan berdayasaing pada masa hadapan. Program yang sedemikian ialah untuk memastikan IKS di negara ini diberi peluang yang secukupnya dalam projek pembangunan perindustrian negara ini secara keseluruhannya.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah sambutan syarikat vendor di negeri Kedah yang PERWAJA Steel memberi tawaran untuk menjalankan peluang-peluang yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Dato' S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya PERWAJA Steel telah menjadi satu syarikat yang kukuh yang boleh dijadikan sebagai satu contoh kerjasama kepada syarikat-syarikat lain untuk mewujudkan industri-industri kecil dengan beberapa program khasnya. Pada masa kini mereka telah memulakan satu projek untuk membuat paku dan sebagai dan membekalkannya kepada syarikat-syarikat kecil. Saya rasa Syarikat PERWAJA adalah satu contoh yang baik.

GOLONGAN MISKIN - BANTUAN KEWANGAN

7. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan tentang:-

- (a) sejauh manakah Jabatan Kebajikan Masyarakat berjaya membantu golongan miskin keluar dari garisan kemiskinan mereka;
- (b) adakah kursus-kursus bercorak komersil disediakan untuk golongan miskin ini; dan
- (c) kalau ada, apakah jenis kursus-kursus tersebut.

Setiausaha Parlimen Kcmenterian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyediakan berbagai skim bantuan kewangan bagi membantu golongan miskin dan yang kurang bernasib baik. Skim-skim bantuan ini adalah untuk membantu meringankan beban kesusahan golongan tersebut dan ianya adalah untuk sementara sahaja, iaitu sehingga mereka dapat dipulihkan dan hidup berdikari melalui bantuan dan Program Basmi Kemiskinan Jabatan-jabatan Kerajaan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan dan lain-lain lagi.

Selain daripada menerima bantuan bulanan, mereka juga adalah dibimbing untuk menerima bantuan pelancaran, untuk sejenis perniagaan atau perusahaan sendiri. Ramai di antara golongan tersebut telah diberi bantuan pelancaran ini. Daripada satu tinjauan yang dibuat dalam tahun 1990, daripada 1,423 orang yang telah menerima bantuan ini di antara tahun 1985 - 1990, sebanyak 60% hingga 80% daripada mereka telah pun mempunyai pendapatan bersih di luar daripada garis kemiskinan, iaitu RM450 ke

atas. Dengan itu dapatlah dikatakan bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat telah berjaya membantu golongan miskin dan kurang bernasib baik yang dikendalikannya di antara 60% sehingga 80%.

- (b) Kementerian tidak ada mengendalikan secara terus kursus-kursus yang bercorak komersil untuk golongan miskin ini. Walau bagaimanapun, mereka yang memerlukan latihan akan ditempatkan di pusat-pusat latihan atau di kedai-kedai yang menjalankan kursus dengan membayar elaun kepada mereka yang menjalani kursus tersebut termasuk yuran untuk latihan itu.
- (c) Mereka ditempatkan dalam latihan kursus-kursus yang mereka minati dan kursus-kursus tersebut termasuklah motor mekanik, membaiki alat hawa dingin, elektronik dan jahitan.

KWSP - JUMLAH CARUMAN DAN PELABURAN

8. Tuan Rahim bin Baba minta Menteri Kewangan menyatakan:
- (a) jumlah pencaruman dan jumlah caruman kepada KWSP sehingga hari ini; dan
 - (b) bidang pelaburan yang telah diceburi oleh KWSP.

Timbalan **Menteri** Kewangan [Dato' **Mustapa** bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat Februari, 1994 bilangan pencarum dalam KWSP ialah seramai 7.1 juta orang berbanding dengan sejumlah 5.9 juta pencarum pada akhir tahun 1990. Jumlah caruman yang terkumpul setakat Februari lalu telah meningkat kepada RM72.9 bilion daripada jumlah RM45.9 bilion pada akhir tahun 1990. Bilangan majikan yang telah mendaftar dengan KWSP setakat Februari, 1994 pula telah meningkat kepada 221,197 berbanding dengan 178,225 pada akhir tahun 1990.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bidang-bidang pelaburan yang boleh diceburi oleh KWSP adalah seperti yang telah ditentukan di bawah seksyen 26, Akta KWSP 1991. Antara lain, ini adalah termasuk pelaburan di dalam sekuriti-sckuriti Kerajaan Malaysia, instrumen—instrumen pasaran wang, ekuiti, pinjaman dan hartanah. Setakat akhir Mac, 1994, pelaburan KWSP berjumlah RM74.249 bilion. Jenis-jenis pelaburan adalah seperti berikut - 52% dalam sekuriti Kerajaan Malaysia, 12% dalam bentuk pinjaman, 5% dalam bentuk ekuiti dan 29% dalam instrumen-instrumen pasaran wang.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, Kerajaan sentiasa mengawasi strategi pelaburan KWSP bagi mengenal pasti jenis-jenis pelaburan baru yang memberi pulangan pelaburan yang tinggi dan seterusnya dapat memberikan dividen yang berpatutan kepada para pencarum. Misalnya, baru-baru ini Kerajaan telah membenarkan KWSP untuk menambahkan secara berperingkat-peringkat pelaburan dalam bentuk ekuiti ke tahap 10% daripada jumlah pelaburan keseluruhannya menjelang tahun 2000 sebagai usaha meningkatkan lagi pulangan atas pelaburaannya.

PERSARAAN AWAL GURU-GURU BERPENGALAHAN - SEBAB

9. **Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Pendidikan Menyatakan:
- (a) adakah faktor persaraan awal guru-guru yang berpengalaman bersangkutan paut dengan ketidakpuasan hati tentang penilaian SSB dan adakah pihak Kementerian menubuhkan jawatankuasa bagi menyiasat sebab-sebab persaraan awal guru-guru ini; dan
- (b) apakah tindakan pihak Kementerian terhadap guru-guru DG5 yang pendapat kelulusan STPM dalam masa perkhidmatan mereka dan apakah ganjaran yang ditawarkan kepada guru-guru DG3 ke atas yang berjaya dalam usahanya mendapatkan kelulusan sarjana.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. **Foag** Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua;

- (a) berdasarkan borang-borang permohonan persaraan pilihan sendiri yang dikemukakan oleh Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pendidikan, sebab-sebab yang diberikan tidak menyentuh soal tidak puas hati tentang penilaian Sistem Saraan Baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Pendidikan tidak memikirkan perlu ditubuhkan jawatankuasa khas bagi menyiasat sebab-sebab mereka bersara kerana sebabnya telah pun dinyatakan dalam borang permohonan mereka masing-masing.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak memberi apa-apa ganjaran kepada guru-guru Gred DG5 yang mendapat kelulusan STPM semasa mereka berkhidmat. Begitu juga guru-guru yang mendapat kelulusan Sarjana. Namun demikian, dengan adanya kelulusan-kelulusan tersebut guru-guru pada kebiasaannya mempunyai satu perspektif yang lebih luas yang membolehkan mereka berkhidmat dengan lebih berkesan, dan itu akan diambil kira dalam proses kenaikan pangkat.

Dr. Toh **Kin** Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada kekurangan guru-guru, adakah benar atau tidak bahawa Kementerian Pendidikan sudah membekukan kesemua permohonan persaraan awal, oleh sebab saya dengar berita dari kawan-kawan yang mengatakan bahawa kini mereka memang susah hendak bersara awal.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kelulusan persaraan pilihan sendiri terpaksa mendapat kelulusan dari Kementerian Pendidikan, jadi Kementerian Pendidikan telah menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji semua permohonan dan kalau jawatankuasa tersebut mendapati permohonan tersebut wajar diluluskan, maka kita akan luluskan.

UBAT TRADISIONAL - KELEWATAN PROSES PENDAFTARAN

10, Tuan Haji Dol bih Dollah minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Kementerian beliau akan selesai memproses lebih 11,000 permohonan pendaftaran ubat tradisional yang diterima sejak Januari, 1992. Mengapakah proses pendaftaran ini memakan masa yang lama dan apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh Kementerian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' K. Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah menerima lebih daripada 12,000 permohonan pendaftaran ubat-ubat tradisional setakat ini. Jumlah ini dijangka akan meningkat pada tarikh tutup permohonan iaitu pada 30hb **Jun**, 1994 untuk pemohon-pemohon di Semenanjung, dan pada 31hb **Disember**, 1994 untuk pemohon-pemohon di Sabah dan Sarawak. Pemerosesan permohonan-permohonan ini dijangka akan mengambil masa selama 3 tahun selepas tarikh tutup permohonan.

Proses pendaftaran ini mengambil masa oleh kerana Kementerian Kesihatan perlu menentukan bahawa kesemua ubat tradisional yang didaftarkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah adalah selamat untuk digunakan. Tiap-tiap satu permohonan perlu dinilai dari aspek-aspek berikut:

- (i) penilaian indikasi yang memastikan kegunaan ubat berkenaan yang tercatat di labelnya tidak keterlaluan;
- (ii) ujian contoh di makmal yang bertujuan untuk memastikan bahawa ubat berkenaan tidak dicemar oleh bahan-bahan yang boleh membahayakan kesihatan seperti logam-logam berat dan lain-lain;

- (iii) penilaian dalam aspek dokumentasi untuk menentukan ubat-ubat yang diimport dibenarkan dijual di negara pengeluar, pengilangannya disahkan sempurna, teratur mengikut kaedah-kaedah Amalan Pengilangan Baik;
- (iv) Untuk ubat-ubat yang dikilang dalam negara pula, penilaian perlu dibuat terhadap kemampuan premis pengilangan mematuhi Amalan Pengilangan Baik, untuk menentukan hasil pengilangan sentiasa berkualiti dan terjamin.

Masalah utama yang dihadapi dalam proses permohonan-permohonan ini ialah dari aspek dokumentasi permohonan yang tidak lengkap, terutama sekali untuk ubat-ubat yang diimport. Dokumentasi ini termasuk dokumen tentang ramuan yang terkandung dalam ubat berkenaan, butir-butir pengilangan dan sijil penjualan bebas dari negara pengeluar.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Kementerian memerlukan semua pengimport ubat tradisional meletakkan satu perkataan di atas kotak ubat itu yang mengatakan "Kekesanan Ubat Ini Belum Disah", maka kalau dengan cara itu saya rasa mungkin susah pengimport dapat mematuhi sebab kalau kita ikut metodologi yang biasa, kekesanan ubat tradisional memang susah disahkan oleh mana-mana pihak.

Dato" K. Kumaran: Kementerian tidak bercadang untuk....the last word, what is it? Sorry.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, apa yang diperlukan oleh Kementerian ialah meletakkan satu perkataan mengatakan, "Keberkesanan ubat tradisional itu belum disahkan". Itu yang perlu dilakukan oleh Kementerian. Saya rasa itu tidak logiklah kerana keberkesanannya memang susah disahkan oleh mana-mana pihak.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Kementerian ialah untuk memberi perlindungan kepada rakyat jelata dari tuntutan-tuntutan palsu pengedar-pengedar ataupun penjual-penjual ubat itu. Oleh sebab itu, Kementerian mendaftarkan dan membuat cara-cara yang tertentu. Oleh sebab .itu, saya ingat cadangan Yang Berhormat pada masa ini tidak dapat diterima.

KERUGIAN BANK NEGARA - LANGKAH PEMULIHAN

11. Tuan K. Munisamy minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa apakah langkah-langkah yang positif untuk memulih kerugian sebanyak RM5.47 bilion oleh Bank Negara Malaysia baru-baru ini.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerugian sebanyak RM5.7 bilion yang dialami oleh Bank Negara Malaysia bagi tahun kewangan 1993 adalah merupakan kerugian dalam urus niaga pertukaran mata wang asing bagi pengurusan rizab luar negara. Tanya berlaku akibat dari salah pengiraan, dengan izin, 'error in judgement' berikutan suasana pasaran pertukaran asing yang cepat berubah-ubah, dengan izin, 'yolatile'.

Beberapa langkah telah pun diambil oleh Bank Negara Malaysia dan Kerajaan untuk mengelakkan kesilapan yang serupa berulang lagi yang melibatkan jumlah kerugian yang besar. Antara langkah-langkah tersebut termasuklah;-

- (i) menamatkan secara berperingkat-peringkat urusan niaga hadapan urusan pertukaran asing;
- (ii) mewujudkan satu sistem perdagangan pemerosesan dan kawalan berkomputer bagi memastikan pihak pengurusan Bank Negara memperolehi aliran maklumat yang terkini; dan
- (iii) melaksanakan langkah-langkah kawalan dalaman yang lebih ketat.

Langkah-langkah ini diharap akan dapat memulihkan kerugian besar yang telah dialami oleh Bank Negara Malaysia. Dalam pada itu, saya ingin memaklumkan Ahli Yang Berhormat, kedudukan rizab luar Bank Negara pada Februari yang lalu adalah tinggi dan pada masa akhir bulan tersebut, berjumlah RM90.5 bilion berbanding dengan RM76.4 bilion pada akhir tahun 1993.

Kedudukan rizab yang semakin kukuh ini mampu menampung import negara kira-kira selama 9 bulan berbanding dengan 7.8 bulan pada akhir tahun 1993.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri Kewangan menyatakan jumlah kerugian terkumpul sebenarnya yang dialami oleh Bank Negara sejak tahun 1990 hingga 1993?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat telah mendengar ucapan-ucapan pihak Pembangkang yang terlalu banyak, yang mengeluarkan angka-angka yang tidak berasas, yang disebutkan rata-rata di kampung-kampung, dalam Dewan Rakyat dan sebagainya.

Saya ingin menekankan bahawa kerugian yang dialami oleh Bank Negara adalah tidak lebih dari apa yang disebutkan oleh Kerajaan itu kerugian atas kertas RM9.3 ribu juta tahun kewangan 1992 dan kerugian sebenar tahun 1993 sebanyak RM5.7 ribu juta. Tidak lebih dan tidak kurang dari angka-angka yang terkandung dalam Laporan Tahunan Bank Negara 1992 dan 1993.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah perkara yang berkaitan dengan masalah kerugian-kerugian ini tidak pernah wujud dan tidak berlaku di zaman Tengku Razaleigh Hamzah menjadi Menteri Kewangan Malaysia?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang ditegaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam Dewan Rakyat dan juga di luar Dewan, antara tahun 1981 dan 1984, negara telah mengalami kerugian sebanyak kira-kira RM9 ribu juta akibat dari langkah-langkah ketika itu untuk mengekalkan paras kadar pertukaran antara ringgit Malaysia dengan dollar Singapura pada paras PM1.10 ringgit Malaysia berbanding dengan \$1 dollar Singapura. Akibat dari dasar tersebut, untuk mempertahankan nilai-nilai pada angka-angka yang saya nyatakan tadi, maka negara

18. Kerugian sebanyak kira-kira RM9 ribu juta. Ringkasnya, telah kehilangan sebanyak kira-kira RM9 ribu juta. Ringkasnya, kerugian yang dialami tahun lepas -bukan merupakan kali pertama Bank Negara mengalami kerugian dalam urusan pertukaran wang asing.

Dr. Toh Kin Woon : Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengatakan pada tahun 1992, Bank Negara telah mengalami kerugian sebanyak kira-kira RM9.5 ribu juta pada kertas sahaja. Kemudian, pada penghujung tahun 1993 kerugian sebenarnya ialah kira-kira RM5.7 ribu juta. Jadi, bolehkah saya mendapatkan pengesahan bahawa kerugian bukanlah setakat jumlah kedua-dua angka ini iaitu RM9.5 bilion dan tambah RM5.4 bilion dan hanya RM5.7 ribu juta sahaja?

'Dato' Mustapa bin Mohamed: Kerugian akan dialami apabila pihak Bank Negara, dengan izin, unwind forward position, iaitu menjual 'holdings' rizab luar negaranya. Ini yang berlaku tahun lalu apabila forward position, dengan izin, dijual, di'unwound', dengan izin, maka projek kerugian sebanyak RM5.7 ribu juta telah dialami. Sebelum itu, kita katakan atas kertas kerana wang asing itu masih lagi belum di'unwind position'. Itu perbezaan antara akaun 1992 dan akaun 1993.

KEMUDAHAN ASAS DI SABAH/SARAWAK - PERANCANGAN

12. Puan Habshah binti Haji Osman minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:-

- (a) berapakah peratus penduduk atau jumlah kawasan di Semenanjung dan juga Sabah dan Sarawak yang masih tidak menikmati kemudahan-kemudahan asas seperti air, elektrik dan telefon walaupun negara telah mencapai taraf negara membangun. Apakah cara serta tindakan untuk mengatasi masalah ini;

- (b) berapa banyakkah 'Independent Power Producer' (IPP) yang ada dan apakah perkembangan syarikat-syarikat ini dalam pembekalan kuasa tenaga kepada TNB. Adakah projek-projek Kerajaan seperti Empangan Pergau dan Bakun akan menerima kesan atas persaingan daripada mereka; dan
- (c) jika berlaku lebih tenaga, adakah pihak Kementerian telah mengambil langkah-langkah perancangan dan pemasaran terperinci sebagai persediaan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato¹ Seri S. Samy Vellu]:
Tuan Yang di-Pertua, soalan dari Ahli Yang Berhormat mengandungi tiga bidang yang luas. Oleh kerana **itu**, saya minta izin untuk menjawab dengan masa yang lebih sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), sukacita saya memaklumkan bahawa kedudukan bekalan elektrik di Malaysia ialah seperti berikut:-

- (i) Di Semenanjung Malaysia kemudahan bekalan elektrik telah mencapai 98%. Secara praktikal adalah sukar untuk mencapai tahap 100% kerana kawasan-kawasan baru muncul dari masa ke semasa lebih-lebih lagi dengan keadaan ekonomi negara yang menggalakkan.
- (ii) Di Sarawak, jumlah penduduk yang menikmati bekalan elektrik adalah dianggarkan sebanyak 68%. Liputan bekalan elektrik adalah rendah kerana kedudukan tempat tinggal penduduk luar bandar yang berselerak. Bagi mempercepatkan pelaksanaan bekalan elektrik, Kerajaan akan memperkenalkan penggunaan teknologi yang berkesan dari segi kos serta berasaskan sumber yang boleh diperbaharui.

Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan sebanyak KM86 juta di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk membina projek-projek mini hidro di kawasan pedalaman dan juga membekalkan janakuasa diesel untuk rumah-rumah panjang. Program latihan akan diperkenalkan kepada sekumpulan penduduk terpilih di kawasan luar bandar bagi membolehkan mereka mengendali dan menyenggara kos loji janakuasa **kecil ini**.

- (iii) Di Sabah pula, liputan bekalan elektrik ialah 66%. Liputan rendah di Sabah juga kerana kedudukan tempat tinggal penduduk luar bandar yang berselerak. Bagi meningkatkan bekalan elektrik di Sabah, Lembaga Letrik Sabah sedang berusaha untuk menambahkan keupayaan penjanaan daripada 200mw ke 520mw pada tahun 2000. Penggunaan teknologi mini hidro dan solar akan diusahakan bagi membekalkan elektrik kepada penduduk-penduduk luar bandar di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, soalan berkenaan dengan telekomunikasi, suka saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, Telekom Malaysia berazam memberi dan memenuhi permintaan telekomunikasi bagi semua lapisan masyarakat di negara ini termasuk masyarakat luar bandar serta mempertingkatkan mutu perkhidmatan ke tabaq yang baik.

Setakat April 1994, Telekom Malaysia telah memasang sebanyak 2,537,110 talian telefon di seluruh negara termasuk 128,576 di Sabah dan 168,560 di Sarawak. Di samping itu, melalui Program Pemasangan Telefon Awam Luar. Bandar, sebanyak 49,640 telefon awam luar bandar telah dipasang di seluruh negara termasuk 1,605 di Sabah dan 3,377 di Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nisbah perkhidmatan telefon sebelum diswastakan iaitu pada tahun 1986 adalah sebanyak 6.4 bagi setiap 100 penduduk berbanding dengan 13.1 pada akhir tahun 1993.

Telekom Malaysia juga telah menetapkan taburan telefon di seluruh negara menjelang tahun ,2005 kepada 45 telefon bagi setiap 100 penduduk.

Bagi kawasan luar bandar, kadar ini ditetapkan pada 10 telefon bagi setiap 100 penduduk dan Telekom Malaysia akan menyediakan sekurang-kurangnya satu teleton awam di setiap kampung di akhir tahun .1995.

Pencapaian ini adalah melalui penambahan perkhidmatan asas, perluasan rangkaian telekomunikasi yang sedia ada dan penyediaan rangkaian telekomunikasi yang baru.

Bagi kawasan di Sabah dan Sarawak yang tidak dapat diberi perkhidmatan melalui kabel talian biasa, Telekom Malaysia akan berusaha untuk memberi perkhidmatan sama ada melalui sistem radio, MARS/Country Set dan ATUR. Sistem radio ini juga bergantung kepada kedudukan lokasi penempatan telefon tersebut.

Telekom Malaysia akan terus berusaha untuk menambah perkhidmatan asas, meluaskan rangkaian sedia ada dari menyediakan rangkaian telekomunikasi yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kedudukan bekalan air, walaupun perkara ini tidak masuk dalam bidang kuasa saya, suka juga saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, iaitu air pula tahap yang dicapai ialah seperti berikut:-

<u>Negeri</u>	<u>Peratus penduduk yang menikmati bekalan air.</u>
Semenanjung Malaysia	76%
Sarawak	70%
Sabah	86%

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (b) mengenai Independent Power Producers (IPPs) sukacita dimaklumkan bahawa setakat ini lima syarikat telah diberi lesen oleh Kerajaan untuk menjana dan menjual elektrik kepada Tenaga Nasional Berhad. Kedudukan pelaksanaan projek IPP ini ialah seperti berikut:-

<u>Syarikat</u>	<u>Keupayaan</u>	<u>Tahap pelaksanaan</u>
YTL Corp. Sdn. Bhd.	H70mw	24%
Sikatu Energy Sdn. Bhd. Ventures Sdn. Bhd.	1300mw	5%
PD Power Sdn. Bhd.	440mw	50%
Powertek Sdn. Bhd.	440mw	20%
Genting Sanyen Sdn. Bhd.	720mw	40%;

dan semua ini, saya jangka Genting Sanyen akan menyiapkan projek mereka dalam pertengahan tahun 1995.

Dengan siapnya semua projek IPP tersebut sebanyak 4,070mw akan dibekalkan kepada sistem Tenaga Nasional Berhad.

Mengenai kesan projek-projek IPPs terhadap projek Kerajaan seperti Projek Hidro Pergau dan Projek Hidro Bakun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Pergau telah mula dilaksanakan pada tahun 1991 sebelum projek-projek IPP diluluskan. Memandangkan keupayaan penjanaan Projek Pergau telah diambil kira dalam rancangan untuk meningkatkan keupayaan bekalan elektrik, projek IPPs tidak akan membawa sebarang kesan terhadap Projek Hidro Pergau.

Mengenai kesan terhadap Projek Hidro Bakun pula, ingin saya menyatakan di sini bahawa Projek Hidro Bakun dijangka siap pada tahun 2005. Adalah dijangka bahawa pada masa itu kelak permintaan tenaga elektrik dan keupayaan pembekalan akan berada dalam lingkungan kadar yang diperlukan kerana permintaan bekalan elektrik kian meningkat dengan pesat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (c), perancangan yang rapi dengan mengambil kira kedudukan bekalan elektrik dan permintaan kuasa elektrik bagi seluruh negara dibuat dari masa ke masa sebelum sesuatu projek janakuasa dilaksanakan oleh TNB, Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak, Lembaga Letrik Sabah dan IPP. Oleh yang demikian, Kerajaan sentiasa mengawasi supaya tidak berlaku keadaan di mana paras rizab adalah terlalu tinggi. Sebagai strategi-komersil TNB sedang dan akan mengambil langkah-langkah berikut sebagai persediaan menghadapi lebih:-

- (a) mengadakan perbincangan dengan negara-negara jiran untuk meninjau kemungkinan TNB mengeksport tenaga elektrik yang berlebihan; dan
- (b) memperhebatkan lagi kegiatan pemasaran untuk menggalakkan lagi penggunaan tenaga elektrik bagi pembangunan ekonomi negara.

Permintaan daripada saya, Tuan Yang di-pertua, di masa yang akan datang, saya minta Ahli Yang Berhormat supaya mengadakan soalan dalam satu subjek sahaja. Dengan itu saya bolehlah juga menjawab dengan lebih luas. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa pihak Menteri telah mengadakan satu rundingan dengan pihak Thailand untuk mengeksport bekalan elektrik ke negara Thai. Apakah hasil daripada perbincangan tersebut?

Dato' **Seri S. Samy Vellu**: Tuan Yang di-Pertua, persidangan Menteri-menteri ASEAN yang telah diadakan dalam bulan Mac lalu di negara Brunei Darussalam, di mana kita telah bincangkan berkenaan dengan bekalan elektrik dari satu negara ke negara yang lain. Pada masa itu, saya telah berbincang dengan Yang Berhormat Menteri dari negara Thailand dan juga Yang Berhormat Menteri dari Singapura iaitu bagi Singapura, kita akan membekalkan elektrik tidak lama lagi dengan satu projek baru yang telah dilesenkan kepada YTL Corporation iaitu 500mw bekalan elektrik sebagai apa yang dikatakan, Dedicated Service to Singapore Only (kepada Singapura sahaja). Ini ada dalam perbincangan dengan YTL Corporation dan Public Utility Board of Singapore, dengan Singapura. Apabila perbincangan itu siap, saya percaya kita akan mengeksport lebih dari 500mw ke Singapura. Dan kita akan membincangkan dengan negara Thailand jikalau mereka suka juga membeli kuasa daripada kita, selepas itu kita akan membina sebuah power station di.....apa negeri itu? Yang paling kecil.

Tuan Yang di-Pertua: Perlis.

Dato' **Seri S, Samy Vellu**: Ha, Perlis. [Ketawa] Di Perlis kita akan membina satu stesen janakuasa untuk membekal elektrik kepada Thailand Selatan. Tetapi ini akan berlaku selepas kita mengadakan perbincangan dengan Menteri Sains dan Tenaga di Thailand di mana saya merancang untuk melawat tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Zainal bin Md. Deros.

Tuan Haji Dol bin Dollah: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Soalan No.13.

PADI - USAHA PEKINGKATAN HASIL DI SELANGOR

13. Tuan Haji Dol bin Dollah [di bawah S.O.23(2)] minta Menteri Pertanian menyatakan apakah usaha-usaha terkini dan canggih untuk meningkatkan lagi pengeluaran hasil pertanian padi di negeri Selangor khasnya dalam penanaman padi supaya negeri Selangor dapat mengeksport beras di seluruh negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' K. Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1993, Selangor menghasilkan 89,836 tan padi bagi musim utama iaitu 7.1% daripada jumlah pengeluaran padi negara, manakala bagi luar musim Selangor menghasilkan 11.1% daripada pengeluaran padi negara iaitu 80,515 tan.

Dalam usaha mempertingkatkan pengeluaran hasil padi negeri Selangor, tindakan sedang dan akan dilaksanakan untuk memperbaiki lagi kemudahan infrastruktur terutamanya di kawasan Projek Pembangunan Bersepadu Barat-Laut Selangor.

Kemudahan-kemudahan ini akan membolehkan petani mengamalkan teknologi terkini seperti kaedah tanam terus, penggunaan bajak empat roda, penuaian menggunakan jentera dan pengangkutan menggunakan sistem pukal. Dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM57.79 juta untuk menyediakan kemudahan infrastruktur khususnya pembinaan taliair konkrit dan jalan-jalan ladang, manakala dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, sejumlah RM50.11 juta telah diperuntukkan bagi maksud yang sama.

Di samping itu melalui aktiviti pengembangan usaha-usaha peningkatan hasil ditumpukan kepada peningkatan tahap pengurusan oleh petani melalui pelaksanaan projek berkelompok dan estet padi. Sehingga Disember 1993 seluas 6,817 hektar telah diusahakan secara kelompok melibatkan 4,117 petani, manakala seluas 5,061 hektar pula telah diusahakan secara estet melibatkan seramai 3,745 peserta.

Di kawasan-kawasan projek berkelompok dan estet, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian telah menyalurkan bantuan bagi meningkatkan tahap pengurusan air melalui pembinaan parit dan aktiviti meratakan tanah sawah. Sejumlah RM2.5 juta telah diperuntukkan untuk tujuan ini.

Bagi mengatasi masalah serangan musuh dan penyakit, Kementerian Pertanian melalui Jabatan Pertanian telah melaksanakan Sistem Pengawasan dan Ramalan bagi perosak-perosak utama tanaman padi. Pelaksanaan Sistem ini telah dapat membendung masalah serangan" serangga merebak seperti serangga bena perang.

Pihak Jabatan Pertanian juga dari masa ke semasa terus membimbing petani-petani mengamalkan teknologi-teknologi yang disyorkan seperti penggunaan benih bermutu, penggunaan baja tambahan, pengawalan rumpai dan lain-lain amalan pengurusan sawah yang dapat membantu dalam meningkatkan hasil padi mereka. Usaha-usaha ini telah pun menampakkan hasil kerjayanya.

PENYAKIT BUAH PINGGANG - BANTUAN KEPADA PESAKIT

14. Tuan Michael Bong Thiam Joon minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab-sebab penyakit buah pinggang dan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan sebuah yayasan untuk membantu pesakit-pesakit buah pinggang dengan menerima pemberian buah pinggang dari mereka yang berhasrat untuk memberi buah pinggang seperti banduan-banduan yang menjalani hukum mati sebelum mereka menjalani hukum mati.

Dato' K. Rumar: Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak sebab penyakit buah pinggang. Di antaranya termasuklah penyakit radang buah pinggang, infeksi buah pinggang, batu karang, penyakit darah tinggi dan kencing manis.

Kementerian tidak bercadang mengadakan yayasan untuk menerima buah pinggang dari mana-mana pihak. Bagaimanapun, pada masa sekarang, terdapat Yayasan Buah Pinggang Malaysia yang menjalankan aktiviti seperti meningkatkan kesedaran di kalangan orang ramai mengenai penyakit buah pinggang, cara menjaga, merawat dan mengesannya, membantu dalam latihan serta penyelidikan penyakit buah pinggang.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa orang banduan yang telah dihukum mati, sebelum digantung, mereka hendak mendermakan buah pinggangnya kepada pesakit-pesakit buah pinggang. Sudahkah Kementerian menerimanya?

Yang kedua, adakah Kementerian ingin mengadakan tabung menyimpan buah pinggang?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini Kementerian tidak bercadang untuk mengadakan satu tabung menyimpan buah pinggang. Soal asasnya, sebelum kita menerima buah pinggang daripada lain-lain orang atau banduan, kita hendak mengkaji dari beberapa segi - moral, agama dan lain-lain. Oleh sebab itu, Kementerian telah menubuhkan satu jawatankuasa dan jawatankuasa masih dalam kajian sebelum mengambil sesuatu keputusan yang tetap.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi soalan No. 15 hingga 46 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDAHG-UNDAHG MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN) 1994

Bacaan Kali Yang Kedua**3.35 ptg.**

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato Wong See Hah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 1994 ini dibentangkan untuk membangkitkan tiga perkara penting iaitu;

- (a) Untuk memberikan bidang kuasa tambahan kepada Mahkamah Sesyen supaya dapat melaksanakan keadilan dengan lebih efektif. Tambahan bidang kuasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal 5, Rang Undang-undang membolehkan mahkamah mendengar segala tindakan atau guaman bagi ganti rugi yang berbangkit daripada kes-kes kemalangan kenderaan motor, kes tuan tanah atau tuan rumah dan penyewa, distress bagi sewa dan juga kes-kes yang amaun hal perkaranya tidak melebihi RM250,000;
- (b) Untuk memberikan Mahkamah Rendah kuasa untuk membuat rayuan, untuk membuat bayaran 'inCerim' bila perlu berbuat sedemikian dalam apa-apa prosiding sivil; dan
- (c) Untuk menggantikan sebutan mengenai "Chief Justice of High Court" dan "High Court in Borneo" masing-masing dengan sebutan mengenai "Chief Judge of a High Court" dan "High Court in Sabah and Sarawak" supaya selaras dengan pindaan-pindaan yang telah dicadangkan dibuat dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Mahkamah Kchakiman 1984.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [**Dr. Sak Cheng Lum**]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong,

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Rendah 1988 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas sekarang. Nampaknya tiada orang yang bangun.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Pasal 1 hingga 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDAWG KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN) 1994

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.40 ptg.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini bertujuan menggantikan keanggotaan Jawatankuasa Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (-2) seksyen 3 Akta Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1955 dan membuat pindaan-pindaan yang berbangkit dalam subseksyen (3) dan (4) seksyen Akta yang sama.

Anggota yang baru bagi Jawatankuasa ini ialah Presiden Mahkamah Rayuan dan Ketua Setiausaha Kementerian Undang-undang atau penamanya.

Keanggotaan Hakim atau Hakim-hakin sebagaimana yang diminta oleh Ketua Hakim Negara supaya menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa yang tertentu digantikan dengan keanggotaan empat orang Hakim yang hendaklah dilantik oleh Ketua Hakim Negara bagi apa-apa tempoh yang ditentukannya secara bertulis.

Penama bagi Peguam Negara tidak lagi boleh berjumlah seramai tiga orang. Cuma Hakim Kanan Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur sahaja yang hendaklah menganggotai Jawatankuasa itu dan bukan lagi Hakim atau Hakim-hakim Mahkamah Sesyen yang diminta oleh Ketua Hakim Negara supaya menghadiri mana-mana mesyuarat tertentu Jawatankuasa.

Keanggotaan enam orang peguambela yang menjalankan amalan di negeri-negeri di Malaysia Barat, dua orang peguambela yang menjalankan amalan di Sabah dan dua orang peguambela yang menjalankan amalan di

Sarawak dikurangkan kepada seorang peguambela sahaja masing-masingnya. Penamaan oleh Majlis Peguam sebelum perlantikan mereka dibuat oleh Ketua Hakim Negara tidak lagi perlu.

Keanggotaan yang baru bagi Jawatankuasa adalah serupa dengan keanggotaan Jawatankuasa Kaedah-kaedah yang ditubuhkan di bawah Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

Berkenaan dengan pindaan subseksyen (3) seksyen 3 Akta, sekiranya Ketua Hakim Negara tidak hadir pada mesyuarat Jawatankuasa, maka Presiden Mahkamah Rayuan atau Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaysia atau Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak yang hadir hendaklah menjadi Pengerusi Jawatankuasa itu.

Kuorum bagi Jawatankuasa yang diperuntukkan dalam subseksyen (4) seksyen 3 Akta adalah termasuk Presiden Mahkamah Rayuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1955 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri.

3.44 ptg.

Datuk Haji Mohamad Hazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang ini. Cuma saya ingin memberi sedikit sumbangan dalam soal komposisi Jawatankuasa yang telah disebut oleh pihak Kementerian sebentar tadi.

Saya lihat daripada komposisi mereka yang menduduki dalam Jawatankuasa ini terdiri daripada orang-orang yang memang mempunyai

kaitan dengan perjalanan perundangan, seperti mana telah disebut oleh pihak Kementerian iaitu hakim-hakim, peguambela-peguambela, Attorney-General dan juga Ketua Setiausaha Kementerian Undang-undang. Saya memang menyokong bahawa komposisi Jawatankuasa ini haruslah terdiri daripada mereka yang mempunyai pekerjaan hariannya itu berkaitan dan berhubungan dengan soal undang-undang.

Saya rasa, ada satu lagi golongan yang harus kita ambil kira untuk mereka bersama-sama duduk di dalam Jawatankuasa ini. Ini ialah kerana kita berbincang tentang kaedah-kaedah Mahkamah Rendah, sudah tentu kita perlu kepada pandangan-pandangan dan juga kajian yang dibua oleh para akademik yang ada kaitan dengan soal undang-undang. Sebagai contoh, mungkin kalau kita kata bahawa di dalam Jawatankuasa ini mengapa tidak untuk mengambil pandangan yang lain daripada soal orang yang terlibat dengan undang-undang secara harian. Kalau kita ambil, katalah mereka mengambil kira juga pandangan akademik-akademik daripada fakulti Undang-undang untuk menganggotai Jawatankuasa ini, maka sudah tentulah para akademik ini orang-orang yang mempunyai masa untuk membuat kajian (research). Sudah tentu pandangan dan sumbangan daripada mereka itu juga diperlukan supaya dapat kita memperkemas kaedah-kaedah ini.

Jadi, perbahasan saya pada hari ini bahawa saya memang setuju komposisi itu terdiri daripada mereka yang mempunyai kaitan dengan undang-undang. Saya ingin mencadangkan iaitu untuk mendapat juga pandangan daripada orang luar yang juga ada latar belakang undang-undang, mengapa tidak kita masukkan dalam komposisi ini satu golongan yang terdiri daripada orang luar seperti akademik-akademik yang

mempelajari ataupun yang terlibat dengan soal undang-undang di universiti-universiti supaya kita dapat sumbangan daripada mereka untuk memperkemaskan Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah ini.

Jadi, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang **ini**. Terima kasih.

Tuan **Yang di-Pertua**: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput pihak Kementerian menjawab, menurut Peraturan Mesyuarat (3), saya dengan ini menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad untuk mempengerusikan Mesyuarat.

[Tuan Haji Jamaludin, bin Haji Ahmad mempengerusikan **Mesyuarat**]

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Saya dengan ini menjemput Timbalan Menteri untuk menjawab.

3.48 ptg.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri. Saya rasa pandangan tentang keanggotaan komposisi Jawatankuasa ini adalah berbeza-beza. Jadi, saya rasa kalau kita berpanjang lebar dengan pandangan mengenai komposisi Jawatankuasa ini, mungkin merupakan satu pandangan yang akademik. Bagi pihak Kementerian Undang-undang, saya ucapkan terima kasih dan memang kita akan mengambil perhatian tentang cadangan ini.

Itu sahaja, saya memohon, mencadangkan.

Tuan Haji Jamaludin bin. Haji Ahmad: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN HARGA (PINDAAN) 1994

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.50 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Kawalan Harga (Pindaan) 1994, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia **ini**, Akta Kawalan Harga 1946 digubal dengan objektif mengawal harga barang-barang keperluan di negara ini. Walau bagaimanapun, pada masa ini pengawalan ini hanyalah dibuat secara pentadbiran ke atas barang-barang tertentu sahaja, di mana setiap kenaikan harga barangan ini hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan Kerajaan.

Sungguhpun pentadbiran dan penguatkuasaan Akta ini dapat dilaksanakan dengan baik, namun terdapat peruntukan-peruntukan yang perlu diperkemas serta mewujudkan peruntukan-peruntukan baru supaya selaras dan bersesuaian dengan perkembangan perdagangan yang semakin kompleks dan mencabar di samping menjaga dan melindungi kepentingan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Kawalan Harga 1946 ini perlu dibuat supaya pelaksanaannya lebih kemas, teratur dan berkesan sesuai dengan matlamat ianya digubal. Antara pindaan-pindaannya ialah:

- (i) mengadakan peruntukan bagi mmaberi kuasa kepada Menteri, melantik Pengawal Harga, Timbalan Pengawal Harga dan Penolong Pengawal Harga melaksanakan Akta;
- (ii) mencadangkan peruntukan untuk membolehkan Pengawal Harga melupuskan barang-barang kes sekiranya tiada prosiding dimulakan terhadap mana-mana orang atau sekiranya pemunya barang-barang **tersebut** tidak boleh ditemui, pelupusan barang-barang kes itu hendaklah ditentukan oleh Majistret;
- (iii) mewujudkan peruntukan supaya pengkompaunan kesalahan-kesalahan di bawah Akta ibu dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya boleh diadakan, serta memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun, amaun kompaun dan prosedur yang perlu diikuti dalam mengkompaun;
- (iv) memperuntukkan kuasa kepada Majistret Kelas Satu untuk membicarakan kesalahan di bawah Akta dan perundangan-perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya serta mengenakan hukuman penuh yang diperuntukkan di bawah undang-undang; dan
- (v) menetapkan kuasa kewajipan dan fungsi mengawal harga yang tidak boleh diwakilkan olehnya.

Pindaan yang dicadangkan adalah pindaan kepada seksyen 2 iaitu takrifan perbahasaan, seksyen 3, subseksyen 12(2), subseksyen 14(2),

seksyen 23, subseksyen 26(1) dan subseksyen 29(2), di samping mewujudkan seksyen baru 17A serta menggantikan subseksyen 3(4) sebagai seksyen 3A yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, takrifan 'premises' dan 'regulations'¹ perlu dimasukkan bagi mengatasi masalah kekeliruan yang sering berlaku dalam melaksanakan Akta ini.

Pindaan kepada seksyen 3 adalah bertujuan memberi kuasa kepada Menteri membuat perlantikan Pengawal Harga, Timbalan Pengawal Harga, Penolong Pengawal Harga dan mana-mana pegawai lain yang perlu dan sesuai bagi maksud Akta **ini**. Pada masa ini kuasa perlantikan adalah terletak kepada Yang di-Pertuan Agong. Dengan pemindaan kuasa ini ianya lebih memudahkan dari segi pentadbiran dan pelaksanaan.

Pindaan kepada seksyen 3(4) adalah bertujuan memperbuat semula subseksyen yang sedia ada ini mengenai Majlis Penasihat Negara bagi perlindungan pengguna-pengguna sebagai seksyen 3A yang baru.

Pindaan kepada subseksyen 12(2) adalah bertujuan memotong sebutan 'Ketua Merinyu Harga' kerana pada hakikatnya jawatan ini tidak berfungsi -lagi pada masa **ini**. Dengan pemotongannya semua 'Ketua Merinyu Harga'¹ dan 'Merinyu Harga' akan diwartakan sebagai Penolong Pengawal Harga. Pindaan yang sama dibuat kepada seksyen-seksyen 14, 15, dan 17 Akta bagi tujuan dan maksud yang sama.

Pindaan kepada seksyen 14(2) adalah bertujuan memberi kuasa kepada Pengawal Harga melupuskan barang-barang kes yang disita di

mana tiada prosiding terhadap mana-mana pihak. Sekiranya ada prosiding atau pemunya barang-barang tidak ditemui, maka kuasa melupuskannya terletakhak kepada mahkamah. Dengan adanya pindaan ini, cara dan bentuk pelupusan barang-barang dapat dibuat dengan kemas dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Pengawal Harga boleh mengkompaun kesalahan-kesalahan di bawah Akta ibu dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya. Dengan wujudnya peruntukan baru ini, kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah undang-undang ini tidak perlu lagi dibawa ke mahkamah dan ianya akan menjimatkan masa, tenaga kerja dan kos serta penyelesaian kes dapat disegerakan. Seksyen 23 perlu dipinda bagi membolehkan Majistret Kelas Satu membicarakan semua kes di bawah Akta ini, dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Aktanya serta mengenakan hukuman penuh yang diperuntukan di bawah undang-undang ini. Pada masa ini kuasa mahkamah mendengar dan menjatuhkan hukuman adalah terhad sepertimana diperuntukkan di bawah Akta Mahkamah Rendah sahaja.

Pindaan kepada subseksyen 26(1) adalah berhubungan dengan kuasa kewajipan dan fungsi Pengawal Harga yang tidak boleh diwakil atau diturunkan kepada orang lain.

'Pindaan ini adalah perlu memandangkan bahawa sekiranya kuasa kewajipan dan fungsi ini disalahgunakan atau ianya dilaksanakan dengan tidak betul, maka ianya boleh menggugugatkan keadaan bekalan dan harga di pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan kepada Seksyen 29(2)(e) bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan bagi menetapkan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun serta amaun dan prosedur dalam pengkompaunan,

Pindaan-pindaan lain adalah bertujuan supaya Ceratur dari segi bahasa dan penyesuaian sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan **Menteri** Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mcnyokong.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Kawalan Harga 1946 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri.

4.02 ptg.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih diberikan kesempatan untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini, dan saya berdiri

untuk menyokong Rang Undang-undang ini.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan kerana semenjak tertubuhnya Kementerian ini pada tahun 1990, saya lihat banyak Rang Undang-undang yang telah dibawa ke dalam Parlimen khusus untuk menjaga kepentingan pengguna. Ini jelas menunjukkan iaitu bahawa Kerajaan memang mengambil berat berkenaan dengan kebajikan pengguna-pengguna supaya mereka tidak akan dianiayakan oleh perbuatan-perbuatan daripada pihak yang menjual sehinggakan mereka terpaksa membayar satu harga yang lebih tinggi daripada yang sepatut dibayar oleh pengguna-pengguna ini.

Saya lihat di dalam Rang Undang-undang ini memang daripada segi persediaannya, apa yang perlu dilakukan oleh Kementerian memang lengkap, cuma saya ada tiga, empat perkara yang saya rasa menjadi sumbangan daripada saya ke arah untuk lebih melengkapkan lagi Rang Undang-undang ini, apa kiranya kalau boleh dapat dipertimbangkan di masa-masa yang akan datang kerana kita sama-sama bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan pengguna kita dalam soal kawalan harga ini.

Tuan Yang di-Pertua, di muka surat 1 Rang Undang-undang ini berkenaan dengan takrif "premises" yang menyatakan, dengan izin, ¹"premises" includes -

(a) any shop, stall, building or place;

Kalau kita lihat perkataan 'shop, stall, building and place' ini bermakna iaitu kawasan-kawasan yang sudah mempunyai struktur. Maknanya kalau macam 'shop' sudah tentu dia ada struktur

bangunannya - kedai. Dan kalau 'stall' - gerai dan 'building' - bangunan ataupun 'place' ialah tempat yang telah pun ditentukan sebagai satu kawasan yang mana boleh dijalankan perniagaan di situ, mungkin sebagai contoh, kita ada tiap-tiap minggu apa yang dikatakan 'gerai jual lambak' atau apakah, dan kita lihat iaitu bahawa di sepanjang jalan, maka akan digariskan tempat-tempat yang tertentu, kawasan lapang yang telah pun dikenal pasti sebagai tempat berniaga untuk pasar minggu - ini 'place'. Tetapi ada satu perkara yang saya rasa, yang perlu kita ambil kira juga, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian untuk dimasukkan perkataan "space" - maknanya "premises" includes -

(a) any shop, stall, building, place or space;

Sebab 'space' ini adalah ruang kosong maknanya iaitu bahawa kalau ruang kosong telah digariskan untuk menjadi tempat penjualan pasar minggu, walaupun ruang itu kosong tetapi ada garisannya, maka itu merupakan 'place' tetapi 'space' ini di mana-mana. Sebagai contoh, maknanya kalau di luar Parlimen **ini**, maka ada orang dirikan, dia tidak perlu mendirikan gerai, dia letak tikar dia jual, maka itu 'space'.

Tuan Haji Jamaludin **bin** Haji Ahmad: Kawasan kosong.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul **Aziz**: Ruang kosong - dia 'space', dia bukan 'place', sebab 'place' kalau mengikut fahaman

saya ialah ruang kosong yang telah dikenal pasti untuk menjadi kawasan penjualan - Chat **is** place. Tetapi kalau 'space' maknanya 'space' ini di seluruh Malaysia ini di mana-mana yang bukan kedai, yang bukan building, yang bukan 'place' dan bukan 'stall' - itu 'space'. Jadi, kalau kita tidak masukkan premises ini untuk merangkumi 'space', saya bimbang iaitu orang-orang akan lebih berminat untuk membuat penjualan di luar daripada empat perkara ini yang ditakrif sebagai premise, maka dia akan terkeluar daripada Rang Undang-undang ini.

Maknanya, kalau di dalam kedai dia kena jual RM2 satu barang, maka untuk dia mengelak daripada terkena di bawah undang-undang ini, dia pergi menjual di satu "space" sahaja. Kalau dia jual di situ, kalau dalam kedai dia menjual RM2 di luar dia jual RM2.20, maka saya rasa kita tidak boleh mengambil tindakan terhadap dia kerana 'premises' **ini** tidak termasuk ruang kosong.

Jadi, saya rasa perkara ini penting untuk memasukkan 'space' kerana untuk mengelak adanya ruang-ruang di mana pihak-pihak peniaga ini boleh mengatasi undang-undang supaya mereka ini terkeluar daripada Akta Kawalan Harga ini.

Jadi, sebab itu dalam pandangan saya, kalau boleh:

"premises" includes -

(a) any shop, stall, building, place or space;

Jadi, di mana-mana juga kalau adanya perkataan 'space' ini maka di mana-mana juga orang itu menjalankan perniagaannya sama ada di

atas padangkah, dia buka tikar dia menjual di situ, dia terkawal dengan Akta ini. Sebab itu saya rasa penting perkataan 'space' ini dimasukkan supaya kita hendak mengelak daripada peniaga-peniaga mengatasi masalah ini dengan tidak menjual di 'shop, stall, building or place' tetapi menjual di satu tempat ruang kosong yang mereka boleh dirikan tempat perniagaan mereka dengan itu dia terkeluar daripada Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, masih lagi dalam soal 'premises' - takrif "premises" includes -

- (a) any shop, stall, building or place; and
- (b) any vehicle or vessel;

Saya ingin memberi sumbangan sedikit, apa tidak kalau boleh kita kata 'any vehicle or part of the vehicle', sebab orang yang menjual ini, sekarang ini kalau kita naik motor, sekarang ini dia di atas motor dia boleh letakkan kotak dan dia jual barangan 'goods' diletakkan di dalam kotak.

Jadi, bila kita tangkap dia, dia berniaga, kita tahan dia, dia kata: "Vehicle ini motosikal, tetapi yang di atas itu cuma is a part of the vehicle - it is not a vehicle". Jadi, dia akan terlepas, sebab lain dengan kereta. Kalau kita bawa kereta, barang yang kita jual dalam kereta itu semua dalam kereta kita maka itu 'is a vehicle', kereta itu vehicle. Jadi, apa juga barang yang dijual daripada kereta itu, maka dia tersangkut di bawah Rang Undang-undang ini. Tetapi kalau naik motosikal ataupun kereta, dia letakkan di

atas kereta itu, sekarang ini di atas kereta itu - di bumbung kereta itu dia boleh letakkan atau dia boleh ikat

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tong!

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia boleh buat satu kotak di atas itu, 'that is part of the vehicle - it is not a vehicle'. Saya bercakap tentang perkara ini kerana ini soal technicality ini penting, kerana dia boleh terlepas, dia menjual di atas motor dia menjual diletakkan dalam kotak, dia kata: "That is not a vehicle - it is probably part of the vehicle"- ya! Sebab itu saya rasa agak kalau boleh saya cadangkan mungkin kita masukkan:

"premises" includes -

(b) any vehicle or part of a vehicle or vessel.

Dan ini lebih memperkemaskan Rang Undang-undang kita supaya tidak siapa -yang akan terlepas daripada dikenakan tindakan di bawah Rang Undang-undang ini.

Yang ketiga, saya ingin bertanya kawalan harga ini - macam mana pula, katalah sebab peniaga ini, dia akan fikir cara macam mana dia hendak mengatasi masalah untuk mengelak mereka daripada menjual mengikut kawalan harga.

Sebagai contoh, bagaimana dengan orang yang pergi rumah ke rumah menjual barang. Katalah "kalau dia jual beras, dia pegang beras, dia bawa, dia tak bawa banyak, dia bawa sedikit. Jadi, macam mana takrifan **dia**, dia bukan premises, dia manusia.

Tuan Haji Jamaludin bin. Baji Ahmad: Dia jual beras wangi.

Datuk-.Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, beras wangikah, dia pegang ataupun dia kayuh dengan basikal. Dia kayuh dengan basikal dan letak atas belakang, dia pergi keliling, ini selalu berlaku. Katalah macam penjualan kain putih sebagai contoh. Di satu ketika kain putih itu merupakan satu barang kawalan. Jadi, macam mana kalau orang ini dia kayuh basikal - dia letak atas belakangnya, di belakang back pack basikalnya dibubuh kain putih dan dia kayuh basikal. Jadi, macam mana kita hendak kawal harga yang dijual oleh orang ini yang menjual lebih daripada apa yang patut dijual. Kain putih dijual di kedai, kita kata syarat kena jual satu ela RM2.00, tetapi dia kendong di belakangnya dan dia jual satu ela RM5.00, macam mana kita hendak kawal? Dia bukan premises, dia bergerak dari satu tempat ke satu tempat. Jadi, kita kena tangkap dia **ini**, sebab dengan cara dia pergi dari rumah ke rumah, mungkin peniaga akan menggunakan orang-orang ini, sebab dia boleh terus pergi ke rumah orang, dan 'consumer'nya adalah orang-orang yang tak perlu keluar daripada rumah, duduk di rumah sahaja, dan barang itu akan sampai kepada **dia**. Jadi, macam mana kita bertindak kawal orang yang pergi dari rumah ke rumah yang tidak terlekat di bawah "premises", dia bukan "vehicle" dan bukan "vessel", tetapi dia manusia, pergi ke rumah-rumah dan menjual barang ini.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tetapi dia ada lesenkan?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia ada lesen, tetapi dia jual harga lebih.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Biasanya dia ada lesen - wholesale.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kadangkala dia ada lesen pun dia jual, kalau harganya lebih, dia jual harga lebih daripada yang patut.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Ini yang hendak dikawal?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini yang kita hendak kawal. Itu soal ketiga.

Selain daripada itu, saya ingin juga menyentuh berkenaan muka surat 3, seksyen baru 3A. Saya rasa ini bagus sebab, dengan izin:

"The Minister may establish National Advisory Council for Consumers' Protection consisting of such representatives of business, government and other organisations....,"

Kementerian ini ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Jadi, Majlis yang hendak diwujudkan ialah 'National Advisory Council for Consumers' Protection. Consumer merupakan faktor yang paling penting dalam Rang Undang-undang ini kerana segala yang hendak dilakukan oleh kawalan harga ini ialah untuk menjaga kebajikan pengguna. Tetapi apabila kita hendak menubuhkan National Advisory Council for Consumers' Protection, dalam Rang Undang-undang ini cuma sebut "...consisting of such representatives of business, government and other organisations..." Mana konsumernya? Sepatutnya ia mesti bunyi, dengan izin, "The Minister may establish a National Advisory Council for Consumers¹ Protection consisting of such representatives of

consumers, business and - government," barulah betul. Kita hendak jaga consumer, tetapi bila datang National Council kita hanya sebut di sini "representatives of business, government...," "consumer" tidak ada. Apakah consumer itu akan dirangkumi di bawah "other organisations"? Maksudnya kalau kita merangkumkan consumer itu di bawah "other organisations", maka undang-undang ini bukan untuk mereka, sebab mereka dirangkumi dalam "other organisation". Kalau kita hendak menjaga kepentingan pengguna, maka pengguna itu harus disebut dahulu. Bukan sahaja disebut dahulu, tetapi mesti disebut. Ini langsung tak sebut,- cuma menyebut tentang "representative of business, government...." Maksudnya dalam Council ini apabila kita bincang - hendak bincang kerana hendak jaga soal pengguna, tetapi yang dijemput untuk menjadi wakil dalam Majlis ini ialah representative of business and government. Jadi, orang-orang yang berniaga dengan Kerajaan sahaja berbincang hendak jaga hal pengguna. Pandangan pengguna tak diminta sebab dia tidak menjadi satu komponen yang penting dalam Majlis ini.

Jadi, saya minta - memang sudah bagus Rang Undang-undang ini, tetapi untuk menunjukkan bahawa kita bersungguh-sungguh hendak menjaga kepentingan kebajikan pengguna, makaada baiknya kalau kita masukkan perkataan "consumers" dalam ayat "The finister may establish National Advisory Council for Consuraers' Protection consisting of such representative of consumer, business, government and other organisations...." Saya rasa kalau kita hendak menjaga hal kepentingan pengguna, kita mesti ada wakil pengguna di situ. Janganlah kita kata' kita hendak' jaga hal pengguna, tetapi dalam Majlis hanya panggil orang yang buat business dengan government

sahaja. Saya ingat ini tak kena pada tempatnya. Maka saya ingin mencadangkan supaya kita menunjuk kesungguhan kita dalam usaha untuk menjaga kebajikan consumers **ini**, maka kita make it compulsory, kita masukkan perkataan "consumers" dalam Rang Undang-undang ini, maka jelas akan menunjukkan dalam kita hendak menjaga kepentingan consumers, kita **mesti** mengambil kira pandangan consumer itu sendiri. Maka oleh kerana **itu**, perkataan "representative of consumers" mesti dimasukkan di dalam Rang Undang-undang **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga lihat di sini di antara peranan yang akan dimainkan oleh National Advisory Council for Consumers' Protection ialah dengan izin;

(a) "the fixing or control of prices of any goods."

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong "**the** fixing or control of prices of any goods." Tetapi kita juga kena ingat kadangkala, dengan izin, 'goods' ini dia include delivery. Sebagai contoh, roti. Roti dijual 70 sen. Ada setengah orang yang menjual roti, dia caj dalam resit - ini suratkhbar saya hendak sebut. Misalnya suratkhbar, memang ianya dikawal harganya. Katalah. dia jual New Straits Times 60 sen. Ada setengah yang menghantar suratkhbar ini dia caj pula dalam resitnya sebagai 'delivery'¹ - sebulan dia caj RM5.00 begitulah.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Service charge.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, service charge. Jadi, ada goods yang harganya itu terpaksa kita tentukan mesti termasuk delivery. Sebagai contoh kalau kita pergi ke kedai hendak beli televisyen atau washing machine. Kadang-kadang kita pergi ke sana, dia kata harganya RM1,300, kita pun seronoklah. Tetapi dia kata ada delivery charge pula. Takkanlah washing machine atau televisyen kita beli RM1,300 kita boleh angkat bawa balik.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Harga kilang lainkah?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya. Jadi, "the fixing or control of prices of any goods", betul,- Tetapi "goods" yang perlu di'deliver', saya rasa mesti masuk juga supaya memberi makna "the fixing or control of prices of any goods and delivery." Sebab kita tidak mahu harga terkawal barangan itu, tetapi bila sampai delivery dia caj lain. Kalau kita sudah beli, kalau kita sudah hendak pada barang itu, dia kata RM50.00 delivery charges, kita hendak kata apa? Sebab kita sudah hendak barang itu. Kita perlu televisyen", kita perlu washing-machine.

Jadi, sebab itu dalam Rang Undang-undang ini juga saya berharap peranannya bukan sahaja the "the fixing or control of prices of any goods," tetapi saya - ingat yang mana goods yang memerlukan kepada 'delivery' kena masukkan juga, "the fixing or control of prices of any goods and its delivery where is necessary." Jadi, ini boleh mengelak peniaga daripada mengambil kesempatan menjual barang mengikut harga yang dikawal, tetapi untuk dia hendak buat 'extra profit' bila sampai pada 'delivery' dia caj lain pula. Peruntukan ini terpakai kalau ada barang harga kawalan itu yang memerlu pada delivery.

Seterusnya berkenaan dengan muka surat 3, Perkara 6, seksyen 14 dipinda, dengan izin;

(2) "where any price-controlled goods have been seized under subsection (1)(a), then -

Ca) if, within ninety days of the seizure, no proceedings are instituted against any person for an offence alledged to have been committed related to those goods -

(i) xxxxxxxxxx

(ii) xxxxxxxxxx

dan seterusnya.

90 hari adalah satu masa yang lama - 3 bulan. Yang hendak 'institute proceedings' ini adalah orang yang 'seized the goods'. Jadi, saya rasa 90 hari adalah satu masa yang lama. Kalau kita hendak ambil tindakan terhadap orang yang telah didapati melanggar peraturan, saya rasa kita kena ambil tindakan cepat, within 30 days. Kita kena adil jugalah kepada orang yang berniaga sebab bagi orang yang berniaga, every single day counts. Jadi, saya rasa kalau, the proceedings will be instituted by the person who is aggrieved dengan izin, saya rasa cepat.

Hari ini barang dia kena ambil, besok dia akan pergi "challenge price controller", tetapi oleh kerana institute proceedings ini adalah orang yang merampas barang, jadi dia tidak ada rasa 'pressure' untuk mengambil 'institute proceedings' cepat. Sebab dia tidak berniaga, jadi dia boleh simpan selama 90 hari - lama. Kalau 'perishable goods' - 90 hari, habislah barang ini. Lebih baik tidak usaha institute proceedings langsung, sebab kalau 'perishable goods' untuk selama 90 hari - habislah, tidak boleh simpan lagi. Jadi, kita kena berlaku adil dengan peniaga **ini**. Dia buat salah, tapi kita biar 'to be fair', kalau hendak 'institute proceedings' kenalah dalam masa yang cepat kerana mereka ini semua berniaga.

90 hari, saya rasa adalah terlalu lama, saya ingat kalau sebulan itu 'fair', rampas sahaja, within a month - institute. Mengapa tidak 'institute proceedings' terus kalau kita sudah tahu kita betul, ambil action sahaja within 30 days - 90 days is too long, three month - 3 bulan lama, dan saya telah sebutkan tadi, kalau benda itu 'perishable goods', tidak usah bubuh dengan 90 days

ini, dalam 30 hari pun kalau dia ambil 'proceedings' - keputusan itu mungkin lama sedikit, sudah tidak ada guna, sudah jadi akademik, sebab barang itu pun sudah hancur, habis semua. Jadi, sebab itu saya ingin mencadangkan, kalau boleh kita kurangkan daripada 90 days, misalnya dalam masa satu bulan (within 30 days), saya ingat itu lebih munasabah dan ini akan memperlihatkan bahawa Kerajaan serius dalam hal ini dan kita ambil tindakan cepat dalam perkara **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, ini soal 'compound' - mukasurat 6, Perkara 12. Kalau kita lihat dalam Rang Undang-undang yang dibahaskan untuk hari ini ataupun di masa-masa yang lepas, kalau sebut sahaja kompaun, maka kita selalunya menyebut satu juralah, sebagai contoh - kompaun itu tidaklah boleh melebihi 50% harga daripada barangan **itu**. Jadi, adalah asasnya - kita tahu berapa kita hendak kompaunkan. Tetapi di sini, dia tidak sebutkan langsung mengenai kompaun **itu**, bermakna kompaun **itu** boleh berjumlah daripadanya RM1.00 sampai RMI juta pun boleh.

Jadi, dengan sebab **itu**, saya rasa mesti kita masukkan dalam kompaun ini satu asas harga. Maknanya kalau barang yang dirampas itu dinilai RM10,000, maka kita harus ada satu kaedah yang mana kompaun itu mesti kata tidak melebihi 50% daripada harga barang yang dirampas, ataupun kalau ada denda yang tertentu tidak boleh melebihi 50% daripada jumlah yang patut didenda. Jadi, saya rasa ada baiknya kalau kita masukkan satu kaedah asas berapakah nilai yang hendak di kompaunkan itu. Mungkin ia ada dalam Akta induk - saya tidak tahu,

tetapi kalau tidak ada, saya minta ditentukan satu kaedah supaya pihak yang mengenakan kompaun ini tidak diberikan satu kuasa yang menyeluruh yang mana dia ada hak daripada hendak kompaun Rm1.00 sampai Rm1 juta - bermakna ia tidak ada limit atas dan tidak ada **limit** bawah. Kompaun bermakna ia mesti kurang daripada denda yang patut dikenakan ataupun kurang daripada harga barang rampasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir sekali saya minta supaya hukuman yang dikenakan terhadap mereka yang melanggar Akta Kawalan ini biarlah satu denda yang deterrent, sebab perbuatan mereka ini boleh menyebabkan inflasi berlaku dengan menjual pada harga yang begitu tinggi dan orang beli - ini akan menyebabkan inflasi. Maka oleh kerana **itu**, di sini ianya mungkin merupakan pindaan sahaja. Saya tidak mempunyai Akta induk di sini, tetapi saya berharap supaya hukuman yang dikenakan terhadap mereka yang melanggar mana-mana peraturan yang ada dalam Rang Undang-undang ini hendaklah satu hukuman yang deferent yang boleh menyebabkan mereka ini tidak akan melakukan perbuatan ini lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang **ini**.

Tuan **Haji** Jamaludin **bin Haji** Ahmad: Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon.

4.27 ptg.

Dr. Toh Kin Woon: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin bangun untuk menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Kawalan Harga 1946. Saya akan membuat ucapan yang pendek sahaja sebab

beberapa point yang saya hendak timbulkan sudahpun dibangkitkan tadi oleh rakan saya, Yang Berhormat Datuk Nazri. Walaupun demikian, ada dua-tiga perkara lagi yang saya rasa ada kena-mengena dengan pindaan-pindaan kepada Akta Kawalan Harga 1946 yang saya ingin bangkitkan di sini.

Pertama, Akta ini adalah bertujuan mengawal harga dan saya rasa ini amat penting sebab dengan adanya Akta ini, maka ia menghendakkan langkah-langkah lain yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk menstabilkan harga pada paras yang rendah, iaitu Akta ini merupakan satu alat penting yang digunakan oleh Kerajaan untuk mengawal kadar inflasi pada kadar yang rendah. Langkah-langkah lain yang diambil adalah seperti dasar-dasar Belanjawan atau fiskal dan dasar moneter. Tetapi selain daripada harga, saya rasa adalah penting juga Kementerian berkenaan mengesani soal-soal mutu dan kandungan berat, sebab saya dapati bagi sesetengah barang walaupun harganya dikawal, tetapi penjual-penjual mungkin menurunkan mutu ataupun berat barang itu dan ini adalah cara-cara yang mereka gunakan untuk menipu para pengguna.

Jadi, kalau kita ingin memelihara kepentingan para pengguna, dan memang ini adalah tujuan utama Akta ini, maka selain daripada harga, saya rasa adalah penting juga mutu, berat dan lain-lain ciri barang-barang yang ada kait-mengait dengan kebajikan para pengguna harus juga diikuti ataupun disemak dan dikesani dengan teliti. Ini perkara yang pertama.

Kemudian, walaupun Akta Kawalan Harga ini mengawal harga, saya difahamkan bahawa kalau keadaan-keadaan mendesak, maka pihak pengeluar boleh memohon kepada Kementerian supaya harga barang mereka dinaikkan. Kalau Kementerian berkenaan memang berpuas hati bahawa adanya kes harga dinaikkan, maka kenaikan ini akan dibenarkan.

Keadaan mendesak yang dimaksudkan ialah seperti peningkatan dalam kos pengeluaran. Seperti apa yang kita semua sedia maklum, harga seunit sama dengan seunit tambah dengan margin dan ini adalah kaedah perletakan harga yang disebut sebagai 'cost plus pricing principle' iaitu kos unit tambah margin keuntungan yang dikehendaki oleh para pengeluar dan ini sama dengan harga seunit.

Jadi, kalau kos pengeluaran meningkat, mungkin lantaran daripada kenaikan dalam harga kos bahan-bahan, maka dalam kes ini, wujud suatu kes yang kuat untuk kenaikan harga. Sebab kalau kenaikan harga dalam kes ini tidak dibenarkan, maka ada kemungkinan para pengeluar mungkin akan mengalami kerugian ataupun keuntungan mereka dikurangkan dan ini seterusnya akan membawa kepada pengurangan dalam penawaran barang itu dan ini akan juga merugikan para pengguna.

Dalam hal ini, saya ingin merayu kepada Kementerian berkenaan untuk mendapatkan data-data atau maklumat-maklumat berkenaan dengan keadaan kos dan sumber-sumber yang bebas dan bukan setakat hanya bergantung kepada pihak industri untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan perubahan atau kenaikan dalam kos ini. Memang ini dilakukan di negara-negara yang lain di mana pihak Kerajaan tidak bergantung kepada pihak industri sahaja untuk mendapatkan maklumat ini, sebab ditakuti maklumat ini mungkin tidak begitu objektif sebab adanya kepentingan industri yang terlibat. Justeru, saya berharap Kerajaan akan mendapatkan maklumat ataupun data yang lebih

independent, dengan izin, memang ada kes bagi kenaikan harga dalam hal ini. Dalam hal ini, saya ingin merayu kepada Kementerian dan ini ada berkait dengan pindaan 3A, mendapatkan pertolongan daripada badan-badan pengguna.

Saya seperti **Yang Berhormat Datuk Nazri** juga merasa terperanjat apabila saya membaca:

3A. "The Minister may establish the National Advisory Council for Consumers" Protection consisting of such representatives of business, government and other organisations",

iaitu tidak disebut langsung wakil-wakil dari persatuan-persatuan pengguna-pengguna pada hal kebajikan penggunalah yang hendak dipelihara di bawah pindaan-pindaan kepada Akta ini.

Jadi, pertolongan dan bantuan dalam membekalkan maklumat berkenaan dengan keadaan kos bagi barang-barang yang dikawal amat penting sekali. Dalam hal ini, saya ingin juga merayu kepada Kementerian yang berkenaan bahawa dalam pemilihan wakil-wakil dari persatuan pengguna-pengguna, pendirian persatuan-persatuan pengguna ini saya rasa tidaklah begitu penting sebab kita dapati adanya persatuan-persatuan pengguna yang memang telah banyak membuat penyelidikan tetapi pada keadaan semasa mungkin agak kritikallah juga terhadap Kerajaan. Jadi, walaupun demikian, oleh kerana persatuan ini mungkin boleh membuat sumbangan yang besar kepada usaha mengawal harga walaupun mereka kritikal sedikit, jadi saya berharap pertolongan atau bantuan dari mereka juga dijemput.

Jadi, saya berharap seperti rakan saya **Datuk Nazri** tadi bahawa wakil-wakil persatuan-persatuan pengguna akan dijemput menyertai The National Advisory Council for Consumers' Protections. Bukan itu sahaja, wakil dari seberapa banyak persatuan pengguna-pengguna yang boleh harus dijemput, sebab saya dapati di negara ini ada banyak persatuan pengguna-pengguna.

Saya berharap juga di segi bilangan, wakil-wakil dari persatuan-persatuan pengguna akan mengatasi wakil-wakil dari business dan Government sebab National Advisory Council for Consumers' Protection tujuannya ialah untuk melindungi kepentingan para pengguna.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penguatkuasaan Akta ini, saya bersetuju juga bahawa tempoh 90 hari for seizure of goods, dengan izin, mungkin terlampau lama dan tempoh ini harus dipendekkan. Bukan itu sahaja, saya ingin juga merayu bahawa dalam tempoh barang-barang ini ditahan, pihak-pihak yang berkenaan harus memastikan bahawa kualiti barang-barang ini pada keadaan ianya terdapat pada masa barang-barang ini ditahan. Sebab kita selalu mendengar aduan yang mengatakan bahawa dalam tempoh ini, setengah dari barang-barang ini dimusnahkan. Bukan itu sahaja, ada di antara barang-barang ini yang hilang juga. Saya rasa dalam hal penguatkuasaan Akta ini, kerjasama dari pihak-pihak yang berkenaan tentang hal itu akan didapati.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan sokongan saya untuk Akta ini, sebab Akta ini memang memainkan peranan yang begitu penting dalam menstabilkan harga pada paras yang rendah dan justeru dapat mengawal inflasi. Terima kasih.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad Yang Berhormat Puan Kian Sit Har.

4.36 ptg.

Puan Kian Sit Har: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya peluang membahaskan Rang Undang-undang Kawalan Harga 1994.

Persatuan Auditor Malaysia telah menyelaraskan bayaran perkhidmatannya iaitu menentukan ahli-ahli persatuannya mengenakan bayaran auditnya kepada peniaga-peniaga yang 100% lebih tinggi daripada tahun-tahun dahulunya telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan peniaga. Peniaga-peniaga ini mengharapkan dikaji semula bayaran audit dari persatuan auditor dengan tujuan meninggikan mutu perkhidmatan auditor untuk memberi manfaat kepada para peniaga tidak menjadi soal. Namun kenaikan bayaran audit sebanyak 100% itu adalah tidak terbeban oleh peniaga-peniaga.

Sebagai seorang pengguna awam, kita seolah-olah tidak terpengaruh oleh kenaikan bayaran audit. Namun, jika dikaji secara halus, kita akan dapati kesannya adalah buruk sekali. Sebagaimana yang diketahui umum, di negara kita ada 800,000 buah syarikat

berdaftar. Andainya tiap-tiap syarikat berdaftar itu dikenakan bayaran RM2,000, maka belanjanya telah meningkat RM1.6 bilion tiap-tiap tahun. Sudah semestinya perbelanjaan sebanyak RM1.6 bilion itu tidak akan ditanggung oleh syarikat itu sendiri. Sebahagian besarnya akan ditanggung oleh pengguna-pengguna dan ini sudah semestinya akan membawa kesan buruk kepada pengguna.

Perbelanjaan ini mungkin merupakan perkara remeh sahaja di mata setengah-setengah pengusaha syarikat pemodalan besar, namun bayaran audit yang bertambah tahun demi tahun ini sudah pasti akan mendatangkan kesan buruk kepada syarikat pemodalan yang sederhana dan kecil terutama sekali syarikat-syarikat yang tidak dapat berkembang maju perniagaannya.

Memandangkan betapa seriusnya pengaruh perkara ini terhadap para pengguna, saya berharap, setelah menerima permohonan dari Persatuan Auditor Malaysia, pihak Perbendaharaan Negara wajib mengadakan satu mesyuarat dengan persatuan itu dengan seberapa segera untuk bersama-sama membincangkan kadar pembayaran audit dengan berpandukan maklumat-maklumat yang diberikan oleh pertubuhan-pertubuhan perniagaan selama ini agar dapat kiranya para pengguna dan ahli-ahli perniagaan mendapat layanan yang adil dan saksama.

Akhirnya, saya menyokong Rang Undang-undang Kawalan Harga (Pindaan) 1994. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad : Yang Berhormat Dato' Mohd. Radzi bin Manan.

4.40 ptg.

Dato' Abdul Radzi bin Manan : Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyokong Rang Undang-undang Kawalan Harga (Pindaan) 1994, saya hanya hendak membawa satu perkara yang saya fikir patut difikirkan dan diambil tindakan oleh Kementerian yang berkenaan iaitu mengenai discount factor, dengan izin, ataupun perkara diskaun. Untuk mengawal harga memang Kerajaan telahpun meminta semua peniaga-peniaga menanda harga barang-barang di kedai-kedai dan sebagainya. Tetapi banyak juga barang sungguhpun barangan itu sudah pun ditetapkan harga tetapi ada pula diberi diskaun. Misalannya kita ambil contoh jam tangan. Katalah, yang saya tahu, Folex harus kalau kita minta diskaun akan memberi sehingga 23.52 daripada harga sebenarnya, kalau kita kenal tauke kedai. Kalau Seiko harus pula 17%, 18% atau harus 20%.

Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad : Rolex berapa harganya Yang Berhormat?

Dato' Mohd. Radzi bin Manan: Ya?

Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad: Rolex berapa harganya? Biasanya.

Dato' Mohd. Radzi bin Manan : Ia tidak kira. Ia beri diskaun sebanyak itu. Maksimumnya ialah 23%. Begitu juga jam Seiko, lain pula had maksimumnya, jam Timex lain pula had maksimumnya dan saya dapati kalau kita lihat jam sahaja, diskaunnya boleh dianggarkan sekurang-kurangnya 15% daripada tanda harga. Jadi, di sini kalau

kita lihatkan di manakah keadilannya? Mana yang tahu dapat diskaun beratus ringgit, beribu ringgit mengikut kemampuan masing-masing. Mana yang tidak tahu kena membayar dengan lebih. Seperti orang kampung datang ke kedai, membeli Jam Seiko. Dia tidak tahu mengenai cara diskaun - discount structure, dengan izin, penjualan jam ini. Jadi, sudah tentulah dia sebagai seorang yang miskin membeli lebih mahal bagi barang yang sama daripada mereka yang tahu. Di sinilah saya rasa elok Kementerian memikirkan cara mana supaya apabila barangan ini dijual, biarlah ada "equitable purchasing" - biar sama. Kalau orang yang tahu pun mengenai "discount structure" ini, dapat diskaun RM200.00 kalau patut dapat PM200.00, yang orang kampung datang yang tidak tahu pun dia mesti juga dapat harga yang sama.

Jadi, dengan cara ini saya rasa dapatlah Kerajaan mengurangkan lagi kadar inflasi. Oleh sebab, "discount factor" ini pada saya berjumlah berjuta-juta ringgit setahun, may be billions. Kita lihatkan peti ais begitu juga. Electrical goods, dengan izin, begitu juga, banyak diskaun. Tanda harga lain, jualan lain. Tengok muka harga lain, lepas itu kalau yang dia suka haruslah lebih diskaunnya, kalau tidak suka - sorry!

Tuan **Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad**: Tengok muka, lain harganya.

Dato' Mohd. Radzi bin Manan : Ada juga. Kalau kenal lagi bagus harganya. Tetapi berapa orangkah yang kenal dengan taukeh-taukeh kedai dan berapa orang pula tahu mengenai "discount factor" ini dan saya percaya kalaulah kita dapat kawal perkara ini, jumlah wang yang

boleh kita save ataupun kurangkan untuk dibelanjakan oleh orang ramai akan berjumlah beratus-ratus juta dan saya percaya kalau dapat kita cari jalan supaya perkara ini tidak berlaku, kadar inflasi saya rasa tidak sampailah 4% setahun, harus 3%, harus 2% lebih dan pada saya faktor ini adalah sangat besar dan saya harapkan Kementerian akan dapat mengkaji perkara ini dengan terperinci. Sekian terima kasih.

Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad :Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membahaskan Rang Undang-undang ini, saya dengan ini menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk menjawab.

446 ptg.

Dr. Sak Cheng Lum : Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga merakamkan pengbargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat **Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz**, **Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon**, **Yang Berhormat Puan Kian Sit Har** dan juga **Yang Berhormat Dato' Mohd. Radzi bin Manan** yang mana dalara perbahasan mereka telah bukan sahaja membangkitkan banyak cadangan dan teguran yang membina akan tetapi pada keseluruhannya mereka telah merakamkan pujian kepada Kementerian dan sokongan mereka memang akan menggalakkan Kementerian untuk terus menjalankan tugas demi kepentingan dan perlindungan para pengguna.

Saya secara ringkasnya, Tuan Yang di-Pertua, cuba menjawab beberapa perkara yang telah dibangkitkan terutamanya kepada Yang Berhormat **Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz** yang telah membangkitkan perkara berkaitan dengan takrif "premises".

Sebenarnya seperti apa yang saya telah nyatakan dalam ucapan, pada masa dulu memang tidak ada takrif berkenaan "premises" dan Kementerian menganggap bahawa tujuan untuk memasukkan takrif "premises" boleh mengatasi "masalah dan kekeliruan yang sering berlaku. Nampaknya **Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri** hendak kita "fine tuned" lagi "definition" beberapa perkataan atau takrifan beberapa perkataan di bawah takrif "premises". Secara ringkas perkataan "place" sememang pada anggapan atau pendapat Kementerian, ini telah termasuk "space" atau "petak" atau "tempat" atau "kawasan". Jadi, apabila kita menyatakan "premises", maksudnya ialah definisi ini is not exhaustive. Jadi, ini termasuk "space" dan begitu juga "vehicle"nya termasuk any part of the vehicle.

Yang kedua, berkenaan bagaimana kita boleh mengawal seseorang yang menjalankan jualan bukan dari satu tempat yang ditetapkan, misalnya penjualan pintu ke pintu atau penjualan, dengan izin, selling on foot. Suka saya menyatakan di sini bahawa Akta yang berkaitan termasuk Akta Kawalan Harga, misalnya di bawah seksyen 5(1) Akta ini» "the act of selling", dengan izin, adalah ditakrifkan sebagai "any person who sells". Ini tidak bermakna bahawa beliau menjalankan penjualan dari pintu ke pintu atau menggunakan motosikal atau kenderaan, tidak di bawah kawalan Akta ini. Jadi, apa yang dikawal ialah "the act of selling" itself.

Akta dan peruntukan tidak kira cara jualan, tetapi apa yang ditetapkan misalnya di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Tanda Harga oleh Penjual Runcit) iaitu satu perintah yang di bawah Akta ini menyatakan misalnya di bawah seksyen 3:

"tiap-tiap penjual runcit barang-barang disebutkan di dalam jadual...."

Jadi, tiap-tiap penjual runcit, kalau tidak ditakrif sebagai penjual runcit "selling by retail" mesti menanda harga, maka itulah semua jualan secara runcit mesti meletakkan tanda harga. Tidak kira jualan dari pintu ke pintu atau dijual di sesuatu tempat. Berkenaan dengan penjualan dari pintu ke pintu, ini sebenarnya ditakrifkan sebagai jualan langsung (direct selling) di bawah Akta Jualan Langsung dan juga dikawal di bawah Akta itu.

Perkara berkaitan dengan perlantikan Majlis Penasihat Pelindung Pengguna (National Advisory Council for Consumers' Protection), mengapa tidak disebut dengan secara tepatnya, Menteri boleh melantikkan wakil daripada pihak 'consumer' untuk menduduki dalam Majlis ini, maka pada amalannya memang dalam Majlis MPPK ini, Badan-badan Pengguna (Consumer Bodies) sebenarnya ada dijemput. Nama "Advisory Council" ini sendiri juga telah memberi pengiktirafan bahawa "this is for consumers" protection and for the consumers itsellr", dengan izin. Jadi, apa yang disebut, dengan izin, "and any other organisations" ini termasuk badan-badan atau persatuan-persatuan pengguna. Walau pun saya ingat tidak salah, Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri dan Dr. Toh Kin Voon mengatakan bahawa peranan wakil-wakil pengguna bukan sahaja barus dipertingkatkan tetapi peranan yang mereka memainkan harus diberi pengiktirafan atau diberi "recognition", dengan izin.

Jadi, berkenaan dengan "delivery charges", ini dianggap sebagai satu caj perkhidmatan. Ini bukan caj barangan. Mungkin pada masa

sekarang, Kementerian tidak ada sesuatu yang boleh mengawal caj-caj perkhidmatan atau bayaran perkhidmatan, termasuk perkhidmatan-perkhidmatan yang lain. Tetapi Kementerian pun sedar dan bersetuju bahawa kenaikan kos perkhidmatan makin bertambah dan ini memerlukan satu kajian (study) yang lebih teliti terhadap bagaimana caj-caj perkhidmatan. Walaupun ini juga boleh masuk caj seperti "delivery charges" dan lain-lain, Kementerian sedang mengkaji bagaimana kenaikan kos perkhidmatan telah secara langsungnya mempengaruhi kadar inflasi yang kita mengalami sekarang. Tetapi berkenaan dengan "delivery charges", maka ini adalah satu yang kita berharap bahawa seorang "consumer" yang bijak akan terus sedar bahawa mendapatkan satu barangan yang berat atau besar, maka para pengguna sendiri tidak mampu membawa balik ke rumah. Kadang-kadang ini memerlukan "delivery", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, soalan berkenaan mengapa masa untuk menjalankan sesuatu siasatan oleh Controller atau Deputy Controller atau Assistant Controller dipanjangkan dari 30 hari kepada 90 hari. Jadi, ini dibuat oleh kerana mengikut pengalaman Kementerian, masa 30 hari untuk menjalankan siasatan dalam sebahagian kes, masa 30 hari tidak mencukupi. Oleh yang demikian, Kementerian harus memanjangkan masa untuk menjalankan siasatan kepada 90 hari. Walau bagaimanapun, masa 90 hari ini tidak bermakna bahawa Kementerian atau Pihak Penguatkuasa akan mengambil sepenuh masa ini untuk menjalankan atau mendakwa sesuatu kes. Memang menjadi hasrat Kementerian untuk menyelesaikan kes-kes ini dalam masa yang

singkat. Seperti kita mengetahui dalam pindaan Akta kita ini akan memberi peruntukan untuk kompaun kesalahan dan cara ini boleh menyelesaikan banyak kes-kes yang, dengan izin, "straight forward" dan tidak perlu kita bawa kepada mahkamah.

Berkaitan dengan "disposal of perishable goods", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, memang di bawah seksyen yang sama, ada peruntukan untuk "disposal of perishable goods" dan ini tidak bermakna bahawa barang-barang yang "perishable" ini harus disimpan 30 hari atau 90 hari sehingga barang-barang ini musnah dan memang ada diberi peruntukan supaya "perishable goods can be disposed off" dengan cara-cara yang ditetapkan.

Berkaitan dengan jumlah kompaun yang akan dikenakan apabila Akta ini dipinda, memang apa yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk **Haji Mohamed Nazri** adalah benar dan bagi Kementerian pada masa sekarang, kita dalam masa untuk membuat peraturan-peraturan yang akan mengawal cara-cara kompaun dan bagaimana prosedur untuk mengkompaunkan dan juga amaun yang akan dikompaun, pada masa sekarang kita berpendapat bahawa asas yang kita menggunakan ialah 50% dari segi "maximum penalty" yang akan "provided under the Act". Pada masa sekarang, apa yang difikirkan ini akan dimasukkan di bawah peraturan.

Yang akhir sekali yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Tob Kin Woon dan Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri, memang kita bersetuju bahawa sesuatu denda atau kompaun yang didendakan harus menjadi sebagai "deterrent". Inilah maksud Akta ini dan kita berharap bahawa dalam masa menjalankan pengkuatkuasaan, ini akan diberi perhatian.

Yang Berhormat Dr Toh Kin Woon telah membangkitkan perkara berkaitan dengan mutu dan berat sesuatu barangan yang dijual. Memang kita sedar bahawa bukan sahaja harga harus dikawal, tetapi mutu dan berat sesuatu barang yang dijual harus juga dijamin. Jadi, dari segi mutu dan beratnya memang ada akta-akta lain yang mengawal jaminan mutu ini, misalnya di bawah Akta Perihal Dagangan (Trade Descriptions Act) dan juga di bawah beberapa akta yang lain, seperti Food Act dan Akta Timbang dan Sukat. Jadi, memang ada cukupnya akta-akta dan peruntukan-peruntukan lain yang akan menjaga jaminan mutu dan berat.

Walaupun kita berhasrat untuk mengawal harga, maka ada masanya juga yang mana kos pengeluaran meningkat, para peniaga harus menaikkan harganya. Jadi, memang ini adalah amalan Kementerian yang mana kita sentiasa mengawasi dan mengawal harga. Maksud Kementerian dalam menjalankan kawalan harga adalah untuk menjamin bukan sahaja harga yang rendah, tetapi sebenarnya harga yang patut. Kadang-kadang dalam sesuatu keadaan yang mana harga terpaksa naik, maka kalau Kementerian selepas kajian teliti dibuat, selepas Kementerian berpuas hati bahawa kenaikan itu harus dilakukan dan itu adalah satu kenaikan yang patut dan juga bukan satu kenaikan semata-mata untuk mencapai 'profitteering', jadi Kementerian akan membenarkan.

Berkaitan dengan dakwaan bahawa kadang-kadang barang-barang yang ditahan semasa siasatan, selepas satu masa, keadaan barang itu pun luput dan hilang. Maka, hal ini Kementerian memang sedar bahawa barang-barang yang ditahan harus disimpan dengan cara yang baik,

tetapi pada hemat Kementerian masalah ini boleh diselesaikan kalau kes-kes yang disiasat boleh diselesaikan dengan secepat mungkin. Oleh kerana itu, kita pun telah memperkenalkan peruntukan untuk mengkompaun kes-kes dan saya percaya ini juga akan menyelesaikan secara langsung atau secara tidak langsung -masalah ini yang dibangkitkan oleh Yang **Berhormat Dr. Toh Kin Woon.**

Yang Berhormat Senator **Puan Kian Sit Har** membangkitkan perkara berkaitan dengan peningkatan 'charge audit fee' atau 'bayaran audit'. Ini sebenarnya tidak ada berkaitan dengan Akta Kawalan Harga ini. Tetapi secara ringkas, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa perkara ini pun telah dirujuk kepada Kementerian Kewangan untuk menyiasat dan mencari satu penyelesaian.

Akhir sekali, Yang Berhormat Dato' Mohd. Radzi Manan yang membangkitkan perkara yang ada berkaitan dengan diskaun. Memang kita sedar bahawa pemberian diskaun adalah satu cara perniagaan yang boleh dikatakan sebagai satu cara yang biasa pada masa sekarang, Pertama-nya, kita sentiasa menarik perhatian para pengguna terhadap keperluan untuk membuat perbandingan harga..sebelum sesuatu pembelian dibuat. Ini memang dalam usaha untuk membanding harga, bukan sahaja untuk membanding harga dari segi harga yang ditetapkan atas.'price tag' atau 'label'nya, tetapi juga harus mengambil kira tawaran diskaun yang diberi oleh pekedai, khususnya dalam masa yang mana pembeli itu membeli satu barang yang mahal. Akan tetapi pada masa sekarang memang kita mewajibkan semua para peniaga yang menjalankan penjualan secara runcit untuk meletakkan harga harga dan ini memberikan peluang kepada pengguna untuk membuat perbandingan. Saya percaya setakat itulah yang

kita boleh memberi nasihat. Mungkin ini adalah satu perkara yang kita harus telitikan.

Kita menerima hakikat dan saranan Yang Berhormat **Datuk Haji Mohamed Nazri** bahawa ini adalah satu fakta yang penting dalam sesuatu penjualan atau pembelian dan kita akan memberi perhatian kepada perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itulah sahaja yang dapat saya memberi jawapan dan saya lagi sekali mengucapkan terima kasih.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad :Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad** mempengerusikan Jawatankuasa]

Pasal 1 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN) 1994

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.10ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [**Tuan Oag Ka Ting**]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bagi pihak Menteri Pengangkutan untuk mencadangkan Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1994, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad Sila.

Tuan Ong Ka Ting :Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan satu Rang Undang-undang yang bernama Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1994 bagi bacaan kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952. . Malaysia kini sedang berada dalam era pembangunan yang amat pesat. Sehubungan dengan itu, terdapat pembangunan yang tidak kurang pesatnya di dalam sektor kelautan dan perkapalan. Perkembangan ini dapat dilihat dari aktiviti-aktiviti pelabuhan yang semakin meningkat dengan pertambahan di dalam bilangan kapal yang singgah dan jumlah kargo yang dikendalikan. Peningkatan ini juga dapat dilihat dalam peningkatan tanan angkatan perkapalan dagang Malaysia dan juga pelaburan di dalam infrastruktur pelabuhan bagi menampung perdagangan yang bertambah dari tahun ke setahun.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari apa yang disebut, di dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini juga terdapat perkembangan yang amat pesat dalam sektor pelancongan terutamanya yang bersabit dengan pengangkutan laut. Ini jelas dapat dilihat dari bilangan tempat-tempat riadah yang dibangunkan di pulau-pulau sekeliling negara dan aktiviti-aktiviti rekreasi laut yang lain. Ini termasuklah pembinaan marina-marina yang sedang di dalam pembinaan dan perancangan.

Pembangunan di sektor kelautan tersebut di atas adalah penting disusuli dengan pembangunan secara terkawal. Perkara pokok yang penting adalah untuk menentukan supaya pembangunan yang pesat itu tidak mengkompromikan keperluan keselamatan. Ini amat penting apabila dilihat perkembangan di dalam aktiviti pengangkutan penumpang melalui air dan riadah. Namun kawalan undang-undang juga haruslah mempunyai kelonggaran yang mana hendaklah mengikut perkembangan dan keadaan semasa. Ini walaupun tidak boleh diberi keutamaan ke atas keselamatan, tetapi perlulah ditimbang bagi menjaga kepentingan sosio-ekonomi penduduk-penduduk Malaysia yang terbabit. Pindaan ke atas Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 yang dicadangkan secara am adalah bertujuan:

- (i) bagi mewujudkan peruntukan baru bagi pendaftaran kapal-kapal kecil;
- (ii) raengawal dengan lebih berkesan aktiviti perkapalan di dalam perairan Malaysia dan membenarkan mengkompaunkan kesalahan-kesalahan di bawah Ordinan berkaitan; dan

- (iii) mengemaskan peruntukan Ordinan 1952 berkaitan pelesenan perkapalan dalam negeri.

Peruntukan-peruntukan utama yang terdapat dalam Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1994 adalah seperti berikut:

- (i) Kemudahan pendattaran bagi kapal-kapal kecil. Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 pada masa ini tidak menyediakan kemudahan pendaftaran yang berasingan untuk kapal-kapal kecil. Oleh **itu**, kapal-kapal kecil yang hendak didaftarkan perlulah didaftar sebagai kapal Malaysia seperti mana kapal-kapal dagang yang lain. Untuk **itu**, kapal-kapal kecil tersebut perlu mematuhi segala peraturan yang telah pun ditetapkan. Keadaan ini tidak berapa menggalakkan untuk kapal-kapal kecil, khususnya bot-bot persiaran didaftar di Malaysia.
- (ii) Pindaan yang dicadangkan memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk membuat peraturan-peraturan bagi membolehkan Pendaftar Kapal-kapal Malaysia mengeluarkan Sijil Pendaftaran Jangka Pendek bagi tempoh 5 tahun kepada kapal-kapal kecil. Kapal-kapal kecil ditakrifkan sebagai kapal-kapal yang tidak melebihi 150 tan kasar atau 24 kaki panjang. Kapal-kapal dalam kelas ini termasuk yang kebanyakannya kapal-kapal persiaran dan

riadah. Seterusnya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan boleh juga di dalam peraturan membuat peruntukan untuk tempoh pendaftaran diperbaharui dan menetapkan yuran bagi perkara-perkara yang perlu dilakukan berkaitan pendaftaran kapal-kapal berkenaan.

- (iii) Kapal yang didaftar di bawah peruntukan ini boleh dimiliki oleh orang perseorangan atau syarikat yang didaftar di Malaysia. Orang perseorangan adalah termasuk mereka yang dari negara asing asalkan kapal yang dimiliki didaftar bersama dengan seorang rakyat Malaysia.

Perkara yang kedua mengenai pindaan ini adalah mengenai Perlesenan Perkapalan Dalam Negeri. Di bawah Perlesenan Perkapalan Dalam Negeri ini antara lain termasuk:

- (i) Pindaan yang dicadangkan di bawah Bahagian IIB bertujuan untuk mengemaskan beberapa peruntukan yang ada dan memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk mengecualikan mana-mana kapal daripada keperluan di bawah Bahagian IIB.
- (ii) Pindaan yang dicadangkan ini selain daripada mengemaskini-kan peruntukan-peruntukan perkapalan domestik adalah juga bertujuan untuk membantu Pelabuhan Klang menjadi sebuah pelabuhan pusat muatan, dengan -izin "load centre port" seperti yang telah diputuskan oleh Kerajaan. Ini

dilakukan dengan melonggarkan dasar karbotaj sebagai permulaan di sektor Pulau Pinang-Pelabuhan Klang bagi membolehkan kapal-kapal asing mengangkut kargo transit ataupun, dengan izin, transitment cargo di sektor ini.

- (iii) Penguatkuasaan dasar karbotaj yang sedia ada telah menyebabkan syarikat-syarikat kapal asing utama menyalur, dengan izin, 'feeded' kargo transit dari pelabuhan-pelabuhan Malaysia melalui Singapura. Dengan membolehkan kapal-kapal asing mengangkut kargo Cransit di sektor Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang ke Pelabuhan Klang, jumlah kargo yang dikendali oleh Pelabuhan Klang akan meningkat dengan secukupnya sebagai tarikan kepada kapal-kapal syarikat-syarikat perkapalan asing utama yang singgah di Pelabuhan Klang.

Perkarayang ketiga dalam pindaan ini adalah untuk membolehkan Kawalan Perkapalan. Di bawah Kawalan Perkapalan ini:

- (i) Seksyen 16 Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1994 bertujuan untuk mengadakan satu Bahagian XIII A baru dalam Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 berkenaan dengan pengawalan aktiviti kelautan dalam perairan Malaysia. Bahagian baru ini akan turut dipanjangkan pemakaiannya ke Sabah dan Sarawak.
- (ii) - Mengenai kawalan ialah antara lain, pindaan ini akan memerlukan semua kapal-kapal yang terlibat dalam sebarang

aktiviti-aktiviti yang disenaraikan untuk melaporkan kepada Pengarah Laut. Antara aktiviti yang berkaitan termasuklah pengorekan, perlombongan, pemasangan kabel dasar laut, pembinaan laut, pembuangan, sukan atau rekreasi, pengukuran, pembersihan termasuk pembersihan tangki kapal dan pemaliman. Pengarah Laut boleh menentukan syarat seperti mana wajar ke atas kapal bagi setiap laporan yang diterima.

- (iii) seterusnya Pengarah Laut diberi kuasa sekiranya ia mempercayai bahawa terdapat kesalahan dilakukan di bawah Bahagian ini untuk:
- (a) menaiki mana-mana kapal untuk membuat penyiasatan dan pemeriksaan;
 - (b) memeriksa sebarang sijil atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan;
 - (c) menahan kapal atau apa-apa kelengkapan atau peralatan kapal; dan
 - (d) menangkap mana-mana orang yang telah melakukan kesalahan di bawah Bahagian ini.

Perkara yang keempat dalam pindaan ini ialah untuk Perlesenan Bot. Di bawah Perlesenan Bot:

- (i) Peruntukan berhubung dengan pelesenan bot di bawah Bahagian XIII Ordinan 1952 pada masa ini adalah terhadap kepada bot-bot yang terlibat dalam perdagangan atau perniagaan sahaja.

Peruntukan ini didapati kurang mencukupi memandangkan terdapat banyak lagi aktiviti-aktiviti lain yang seharusnya turut dikawal dengan cara pengeluaran lesen. Oleh itu, pindaan yang dicadangkan memerlukan bot-bot persendirian yang mengangkut penumpang dan bot-bot yang terlibat dalam aktiviti sukan atau rekreasi turut dilesenkan.

Selaras dengan pindaan yang dicadangkan di atas, kaedah keselamatan bot turut perlu dikawal. Ini terutamanya dari segi pengendalian dan keanggotaan bot dan termasuk semua bot-bot yang dilesenkan di bawah Bahagian XIII Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

Perkara lain yang ada kaitan dengan pindaan ini ialah selain daripada pindaan-pindaan yang dicadangkan, antara lain, ialah untuk mengemaskan peruntukan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 berkaitan dengan pelaksanaan International Load Lines Convention 1966 yang mana Malaysia adalah ahli dan mewujudkan peruntukan yang membolehkan Pengarah Laut mengenakan kompaun terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi adalah perkara-perkara yang utama yang terkandung di dalam Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1994. Saya ingin turut memaklumkan

bahawa Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1994 tidak melibatkan perbelanjaan wang bagi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat **Puan Hajah Rahaiah binti Baهران.**

5.22 ptg.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana membenarkan saya mengambil bahagian di dalam perbahasan meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar sektor kelautan dan perkapalan sedang mengalami satu perkerabangan dan pembangunan yang pesat dan kita juga sedar kawalan undang-undang yang sedia ada tidak begitu memuaskan, terdapat kelonggaran yang patut dikemaskinikan mengikut perkembangan semasa.

Oleh itu, Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar ini perlu dibuat pindaan untuk mengemaskan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 tadi.

Hampir 300 kapal perang, vessel perikanan dan kapal-kapal lain melalui perairan Selat Melaka setiap hari dan 10% sahaja daripada jumlah tersebut ada hubung kaitnya dengan ekonomi dan perdagangan

tempatan ataupun perdagangan negara dan yang selebihnya iaitu 90% lagi itu menggunakan Selat Melaka sebagai laluan sahaja. Ini menimbulkan masalah pengawalan di atas perjalanan kapal-kapal tersebut bagi memastikan ianya tidak menimbulkan halangan, pencemaran dan kemalangan di perairan negara.

Pindaan Akta ini akan mengelakkan kesulitan sehingga kes-kes perlu dirujuk kepada undang-undang sivil apabila berlakunya kemalangan di laut. Akta- ini juga memperuntukkan pengurusan yang berkesan dalam menangani masalah pencemaran dan tuntutan pampasan yang kini kian meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan Akta ini akan membolehkan Malaysia melaksanakan ketetapan dua konvensyen antarabangsa iaitu Fund Convention 1971 dan Civil Liability Convention 1969. Ketetapan tersebut bertujuan menyeragamkan undang-undang di antara- negara-negara ahli pertubuhan Maritime antarabangsa agar satu sistem yang seragam dapat dicapai.

Pindaan ini juga merbolehkan wujudnya peruntukan baru bagi pendaftaran kapal-kapal kecil, pengawalan lebih berkesan terhadap aktiviti perkapalan dalam perairan Malaysia dan membenarkan kompaun dilakukan terhadap kesalahan-kesalahan di bawah Ordinan berkaitan dan memperkemas peruntukan Ordinan 1952 berkaitan dengan perlesenan perkapalan dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian-kejadian tumpahan minyak semakin bertarabab setiap tahun dengan bertambahnya bilangan lalu lintas

laut. Pada tahun 1991 sahaja terdapat 84,000 kapal melalui Selat Melaka, oleh itu Jabatan Laut mestilah memperluaskan dan memperkemaskan jumlah kakitangan dan peralatan baru untuk menangani setiap masalah maritim dan perkapalan yang semakin mencabar ini.

Tuan Yang di-Pertua, 508 buah kapal telah didaftarkan di negara ini pada tahun 1991 - 19% daripadanya ialah kapal-kapal khusus untuk mengangkut minyak mentah, kimia dan LNG yang merupakan 60% daripada kapasiti keperluan perkapalan negara. Pendaftaran kapal barangan dan kontena ini ialah 34% daripada pendaftaran dan ia hanya menyumbangkan 34% daripada kapasiti perkapalan negara. Ini menunjukkan keadaan negara yang bergantung kepada pengangkutan milik asing untuk membawa eksport negara.

Memandangkan keadaan perkembangan dan keperluan domestik negara, sektor ini mestilah diberi galakan untuk diperkembangkan. Sektor perkapalan negara masih berkurangan dan kebanyakan syarikat-syarikat perkapalan tempatan yang kecil mempunyai sumber dan kapasiti yang terhad. Modal yang terhad juga menyebabkan mereka tidak dapat mengembangkan aktiviti-aktiviti perkapalan mereka. Perindustrian perkapalan yang kecil-kecilan ini tidak mampu untuk mewujudkan sistem, pengangkutan yang berkemampuan mengatasi permintaan negara dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini hanya terdapat 254 buah perkapalan di Malaysia, sementara pemilik terbesar ialah MISC atau Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia dan Perbadanan Nasional Shipping Line.

Oleh itu, pindaan ini diharapkan dapat membawa pertumbuhan di dalam industri perkapalan negara. Pencapaian pertumbuhan ekonomi pada kadar 8.1% setahun menunjukkan kejayaan negara untuk mencapai matlamat perindustrian ke arah Wawasan 2020. Negara sekarang bukan sahaja menjadi pengimport tetapi juga pengeksport utama barangan pembuatan. Tetapi perkembangan ini tidak seimbang dengan perkembangan di sektor perkapalan. Oleh itu, sektor perkapalan memerlukan langkah radikal bagi mengatasi masalah ini dan sekali gus menampung permintaan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perkapalan - Saudagar ini sebagai satu langkah dan usaha Kerajaan yang amat prihatin terhadap perkembangan sektor perkapalan negara. Sekian, terima kasih,

Tuan Yang di-Pertua : **Yang Berhormat Tuan K. Munisamy.**

5.28 ptg.

Tuan K. Munisamy: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1994.

Akta ini adalah amat penting memandangkan negara sedang maju begitu pesat menyebabkan semua sektor ekonomi berkembang termasuk sektor perkapalan yang makin menjadi penting dan perlu pengawasan dan kawalan dari pihak Kerajaan. Kita tiada satu akta untuk mengawasi perkembangan sektor perkapalan yang mungkin akan

mengakibatkan berlakunya penyelewengan dari segi salah guna sistem pengangkutan ini untuk tujuan yang tidak dinyatakan semasa mula-mula mendaftar.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa kesalahan telah dilakukan oleh kapal-kapal asing semasa berada di perairan Malaysia. Contohnya ada sebuah kapal asing yang membuang minyak di perairan Malaysia dan ditahan oleh Jabatan Alam Sekitar dengan bantuan Polis Marin. Ada juga kapal-kapal yang membersihkan kawasan dalamnya dan membuang semua kotoran ke dalam laut. Pada masa lalu beberapa kapal semasa belayar di perairan Malaysia yang sama ada berlanggar dengan kapal lain ataupun mengalami kerosakan menyebabkan berlakunya tumpahan minyak, saya mengesyorkan kapal yang mengalami 'accident', dengan izin, seharusnya dipertanggungjawabkan untuk membersihkan kawasan yang telah dicemari itu ataupun didenda dengan sejumlah wang yang diperlukan untuk melakukan kerja-kerja pembersihan. Tumpahan minyak bukan sahaja mengotorkan kawasan pantai yang cantik di Malaysia bahkan mengancam kehidupan laut.

Sehubungan itu, seksyen 491C memberi kuasa kepada Pengarah Marin untuk menahan mana-mana kapal atau orang perseorangan dalam kapal tersebut yang disyaki melakukan kesalahan dan denda yang dikenakan juga telah dinaikkan dan kesemuanya boleh membanteras kegiatan yang salah.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada sebuah tempat khas untuk pelancong yang dikatakan berdaftar di Sabah telah diperkatakan oleh pihak akhbar tempatan menjalankan perjudian haram. Menurut kenyataan tersebut kapal ini akan berlayar tanpa destinasi tertentu dan berada di lautan dalam untuk pelancong menikmati keindahan di samping berjudi. Kegiatan seumpama ini harus dibanteraskan dan pindaan Akta perkapalan ini adalah kena pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berasa soal pemuliharaan alam sekitar telah tidak diberi penekanan yang sewajarnya dalam pindaan Akta ini. Soal alam sekitar makin menjadi penting di seluruh dunia kerana ia bukan sahaja mengancam kehidupan laut, bahkan kehidupan di darat yang bergantung kepada makanan laut. Selain dari memberi kuasa dan menaikkan denda atau tempoh penjara, saya rasa pihak Jabatan Marin juga harus diperlengkapkan dengan peralatan pengesan yang canggih dan meningkatkan keupayaan di semua tempat yang menjalankan kegiatan pembersihan kawasan tumpahan minyak atau bahan toksid.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong semua pindaan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua : Yang Berhormat **Ding Seling**.

5.32 ptg.

Tuan Ding Seling: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun dalam Dewan yang mulia ini untuk menyokong suatu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan oleh kerana telah memikirkan pemindaan kepada Ordinan Perkapalan 1952 ini. Pada hemat saya tepat masanya oleh kerana kita sedia maklum sekarang sektor perkapalan bagi negara kita memanglah pesat membangun. Misalnya mengikut maklumat yang saya dapati, dalam tahun 1961 hanya 800 kapal sahaja yang melalui Selat Melaka, dan dalam tahun 1991 pula, lebih daripada 84,000. Ini bermakna peningkatan ataupun bilangan kapal-kapal yang menggunakan Selat Melaka telah meningkat lebih daripada 100%.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat dari situ, Selat Melaka yang bukan sebegitu besar memang menjadi satu 'highway', dengan izin, dan kita sedia maklum juga banyak kemalangan telah berlaku di situ. Oleh yang demikian adalah sesuai pada masanya kita adakan satu Akta yang menegaskan kepentingan keselamatan sektor perkapalan dalam negara kita ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menoleh pandangan kita ke Sabah dan Sarawak, kita lihat bilangan kapal-kapal kecil juga telah begitu banyak. Kalau kita lihat di Sungai Sarawak sekarang ini, bilangan kapal-kapal kecil bukan dalam puluhan lagi, mungkin ratusan. Dan kita lihat juga ada kapal-kapal kecil di situ yang bukan sahaja membawa flag Malaysia, dengan izin, tetapi bendera-bendera negara jiran kita juga. Kadangkala kalau kita tidak

lihat dengan teliti, mungkin kita anggapkan kapal-kapal kecil yang ada di situ mungkin kapal Malaysia juga.

Jadi, dalam hal itu, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya banyak kapal lain 'along our coast', dengan izin, adalah saya rasa sangat sesuai pada masanya Akta ini dikemukakan oleh Kerajaan. Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya agak ragu-ragu sedikit, mungkin maklumat yang saya dapat kurang tepat, tetapi apa yang saya dapati tenaga pegawai-pegawai Jabatan Laut yang ada di Sarawak, mungkin begitu kecil sekali. Sekiranya Akta ini memberi kuasa kepada Jabatan Laut untuk memeriksa dan menaiki kapal untuk memeriksa kapal-kapal yang perlu diperiksa, saya pasti mungkin tidak mencukupi, iaitu mereka tidak mempunyai kuasa dan tenaga yang mencukupi. Jadi, saya ingin merayu kepada Kerajaan- supaya melihat perkara ini, bukan sahaja ada satu Rang Undang-undang, satu Akta yang telah kita lulus dalam Dewan yang mulia ini, tetapi kita juga benar-benar mempunyai kuasa dan tenaga untuk melaksanakannya.

Sehubungan dengan pendaftaran ini juga, Tuan Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum di Sabah dan Sarawak banyak juga pulau-pulau di situ di mana bukan sahaja kapal-kapal kecil, kapal-kapal orang Malaysia sahaja pergi ke situ, tetapi mungkin kapal-kapal lain juga. Kita mendapat banyak cerita, mungkin tidak disahkan sebagai cerita yang benar, tetapi kita banyak dapat berita bahawa banyak kapal-kapal jiran datang. Saudara saya Yang Berhormat **Tuan Munisamy** telah mengatakan tadi ada kes di mana sebuah kapal di perairan Sabah telah disalahgunakan.

Jadi, dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh bahawa semua kapal, termasuk kapal-kapal kecil haruslah didaftarkan oleh Kementerian kita dan juga supaya Kementerian menentukan bahawa kapal-kapal kita mempunyai label yang mudah dilihat dari jauh, baik pun dari dekat supaya kapal-kapal lain yang mungkin menyamar sebagai kapal Malaysia boleh dikenal pasti supaya tidak ada kes di mana kapal-kapal orang dari Utara, dari Timur ataupun dari Barat mungkin menyamar sebagai kapal Malaysia dan membawa perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin sentuh iaitu mengenai kapal-kapal yang pergi ke hulu sungai seperti di Sarawak, pergi ke Bandar Sibu, Marudi ataupun Kuching. dalam perjalanan kapal ke tempat-tempat yang kecil seperti itu, iaitu dalam sungai, maka banyaklah mission atau minyak yang dikeluarkan. Jadi, dari aspek ini, Tuan Yang di-Pertua, sungai akan dikotorkan dan 'marine life' seperti ikan, ketam dan sebagainya akan mati.

Sehubungan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, dari segi membersihkan sungai dan juga laut oleh kerana banyak kapal yang berjalan di perairan kita dan juga masuk ke sungai, pertanyaan saya mengenai perkara ini ialah siapakah yang bertanggungjawab untuk menentukan kebersihan bukan sahaja pantai-pantai laut kita, tetapi juga di sungai, khususnya di Selat Melaka, di mana kita dapati beberapa kali sudah banyak perkara berlaku, accident berlaku di situ dan siapakah yang akan bertanggungjawab. Adakah pihak kita, iaitu pihak Malaysia sahaja ataupun pihak kedua-dua negara yang berjiran ataupun siapa?

Oleh kerana kadang kala kapal yang menemui kemalangan di situ bukanlah kapal orang tempatan tetapi mungkin kapal orang Eropah ataupun Amerika.

Tuan Yang di-Pertua, dari aspek itu, saya ingin merayu kepada pihak Kerajaan supaya memikirkan juga bagaimana kita boleh menentukan kebersihan pantai-pantai kita dari 'emission' ataupun minyak-minyak yang keluar dari kapal itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya sekali lagi menyokong Akta ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri.

5.41 ptg

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya juga berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang ini. Saya ingin membuat sedikit pertanyaan. Oleh kerana sekarang ini alam sekitar merupakan satu perkara yang diberikan keutamaan dalam negara kita, saya ingin bertanya mengenai takrif 'dumping', yang mana saya lihat takrif yang diberikan kepada 'dumping' di bawah Rang Undang-undang ini seolah-olah agak begitu longgar - maknanya 'dumping' itu tidak termasuk 'disposal of any material incidental to, or derived from, normal operation of ships'. Saya rasa, kita harus lebih ketat dalam soal takrif 'dumping' ini kerana kita tidak boleh memberi ruang kepada pihak yang memiliki kapal untuk terlepas daripada didakwa dalam soal 'dumping' ini, cuma bagi mereka untuk membuktikan

bahawa 'disposal' itu adalah material yang incidental to, dengan izin, ataupun 'derived from normal operation of ships' maka mereka terlepas. Sebab, saya rasa, kalau perumpamannya, 'dumping disposal' ini, kalau lalu lintas di atas darat ialah berkenaan dengan gas-gas yang dikeluarkan oleh motosikal dan kereta menerusi paip'exhaust'. Jadi, di atas darat kita tidak mengizinkan pengeluaran asap daripada paip 'exhaust', jelas menunjukkan bahawa dalam soal menjaga alam sekitar, kita begitu ketat, hingga, walaupun gas-gas hitam yang keluar dari 'exhaust pipe' adalah merupakan incidental ataupun 'normal in the operation of car or motorbike', tetapi kita tidak memberi ruang kepada pemilik kereta ini untuk melepaskan mereka daripada kesalahan melepaskan gas daripada 'exhaust pipe' ini.

Kita mengambil satu tindakan yang ketat yang mana kita kata "tidak boleh keluar asap hitam daripada paip exhaust" sehinggalah kita tengok Pegawai Road Transport Department pergi membuat "checking¹ terhadap 'vehicles' ini untuk memastikan tidak berlaku pengeluaran gas daripada 'exhaust pipe', ini walaupun ia merupakan incidental ataupun normal dalam operation of motorbike. Jadi, saya rasa lebih penting lagi dalam laut, sebab dalam laut dia ada kehidupan seperti ikan dan macam-macam lagi. Jadi, oleh kerana itu saya rasa, kalau satu tanda yang hendak dikenakan, 'dumping* di laut mesti lebih ketat daripada 'dumping¹ daripada di darat kerana di laut kesannya ialah akan menyebabkan kematian kepada kehidupan di dalam laut. Jadi, saya rasa untuk mentakrifkan 'dumping' dengan maksud "any disposal at sea of any material from a ship, but does not include", ini seolah-olah longgar. Jadi, kita boleh melepaskan

seseorang pemilik kapal, kalau minyaknya terkeluar dari kapal, tetapi kalau dia boleh buktikan bahawa itu adalah incidental dan normal in the operation of boat, maka dia boleh lepas - tetapi minyak sudah keluar dan kehidupan di laut sudah mati. Jadi, saya rasa, kalau kita longgarkan takrif ini, maka usaha kita untuk memastikan alam sekitar, khususnya dalam laut dapat dipertahankan, tidak akan berjaya.

Sebab itu saya ingin mencadangkan supaya 'dumping' ditakrifkan "sebagai "any disposal at sea of any material from a ship". "(fullstop) - cukup. Usaha untuk menjawab supaya mereka ini tidak didakwa kerana 'dumping', itu terpulang kepada mereka mencari jalan untuk berhujah bahawa mereka sudah melakukan segala apa yang boleh tetapi ia keluar juga - itu terpulang kepada pemilik kapal untuk menunjukkan bahawa mereka sudah melakukan segala-galanya untuk mengelak 'dumping' ini daripada berlaku, tetapi tidak berjaya juga. Kalau kita membiarkan begini sahaja takrif 'dumping', dia akan terlepas. Jadi, kalau dia cuma dapat tunjukkan bahawa 'this is incidental', maka dia terlepas - minyak sudah keluar dan ikan sudah mati. Jadi, saya rasa dalam hal takrif 'dumping' ini seharusnya dia berbunyi "dumping means any disposal at sea or any material from a ship." (fullstop) - dengan cara ini kita dapat perketatkan kelakuan yang sengaja mengeluarkan kotoran di dalam perairan kita. Itu satu.

Kedua, saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian, sebab saya 'sendiri pun tidak tahu tentang takrif "Malaysian Waters" dalam 'emergency' (Essential Powers Ordinance No. 7/1959). Saya ingin bertanya, apakah sekarang ini dengan adanya kawasan-kawasan perairan

baru yang diwujudkan, iaitu tasik yang terwujud daripada empangan-empangan, maka tasik yang baru diwujudkan ini adakah termasuk di dalam takrif perairan Malaysia di bawah "Emergency Essential Powers Ordinance No. 7/ 1959", sebab dalam Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) ini, yang ada kaitan dengan kapal kecil iaitu kapal yang kurang daripada 24 meter panjang dan kurang daripada 150 tan (berat), maka yang dibawah daripada ini semuanya akan terkawal di bawah Akta ini dan kapal-kapal kecil ini boleh, maknanya bergerak dalam tasik-tasik. Hari ini pun kita tengok bahawa sudah banyak tasek yang telah diwujudkan hasil daripada pengwujudan empangan seperti Empangan Kenyir, di Negeri Sembilan pun ada - banyak 'lake' ini, Jadi, saya hendak bertanya, apakah takrif perairan Malaysia merangkumi kawasan-kawasan tasik yang baru, yang wujud hasil daripada wujudnya empangan.

Kalau dia termasuk, baguslah, kalau dia tidak masuk - saya minta supaya perkara ini dimasukkan kerana bot-bot boleh bergerak dalam tasik ini. Jadi, oleh kerana tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk mengawal lalu lintas perairan maka perairan itu tidak hanya harus merangkumi kawasan laut dan juga sungai, tetapi juga kawasan-kawasan tasik yang baru yang terwujud hasil dari wujudnya empangan ini. Itu yang kedua.

Ketiga, saya lihat dalam takrif di sini - takrif 'ship' ada, tetapi dalam Rang Undang-undang ini juga ada disebut berkenaan dengan 'boat', jadi saya hendak tanya, apakah takrif 'boat' ini juga wujud dalam undang-undang induk, kalau wujud - tidak mengapalah, tidak berbangkit soalan saya. Kalau tidak wujud, saya ingin

bertanya apakah takrif 'boat'? 'Ship' ada takrifnya, tetapi saya tengok dalam Rang Undang-undang ini 'boat' tidak ada takrifnya, jadi saya ingin tahu di sini, apakah yang dimaksudkan dengan 'boat'? Sebab kalau dijawab 'boat' itu ialah apa yang disebut dengan 'ship' tadi yang bermaksud hydrofoil, tetapi saya rasa 'boat' ini harus ada takrifnya sendiri. Jadi, saya hendak tahu apakah yang dimaksudkan 'dengan 'boat' kerana 'boat' digunakan secara berasingan dengan 'the ship'.

Yang terakhir sekali, saya hendak bertanya berkenaan dengan jet-ski. Jet-ski ini takrifnya bagaimana? Adakah ia 'ship'? Saya tengok dari takrif 'ship' ini, saya tidak boleh hendak masukkan di mana jet-ski ini. ia bukan hydrofoil boat. ia bukan floating craft. Jadi, apakah persoalan di sini? Adakah jet-ski ini merupakan 'ship'? Kalau ia merupakan 'ship', maka sudah tentu ia mesti dikenakan lesen, sebab Rang Undang-undang ini melibatkan hendak mengenakan lesen yang mana termasuk untuk sport, leiaure or recreational activity.

Jadi, jet-ski memang merupakan satu perkara sport, leisure dan recreational activity. Tetapi apakah ia 'ship'? Kalau ia bukan "ship" maknanya kita tidak boleh kenakan lesen kepada dia. Walhal saya rasa, pemilik jet-ski ini sepatutnya mesti bayar lesen kerana ia tidak boleh diibaratkan sebagai basikal, perumpamaan kepada 'vehicle' atas darat. Basikal ini dimiliki oleh orang-orang yang tidak berada, kita hendak memberi kesempatan kepada dia untuk boleh berjalan dari satu tempat ke satu tempat, maka basikal tidak dilesenkan tetapi jet-ski. mesti dilesenkan kerana jet-ski harganya mahal - RM19,000, RM20,000.

Jadi, kalau orarig itu membeli jet-ski, dia mampu untuk membayar lesen. Dia kena dilesenkan - tidak boleh dipertikaikan. Mungkin satu hari jet-ski ini boleh digunakan sebagai 'water taxi'. Maknanya untuk mengangkut orang dari satu kawasan Tasik Kenyir ke sebelah sana naik jet-ski. Jadi, sebab itu saya ingin bertanya

apakah jet-ski ini ditakrifkan sebagai 'ship'? Kalau tidak, ia mesti ditakrifkan sebab berat mengatakan bahawa pemilik jet-ski hendaklah juga dikenakan mengambil lesen kerana jet-ski merupakan satu 'vehicle' yang boleh digunakan untuk sport, leisure ataupun recreational dan juga mungkin satu hari nanti digunakan sebagai teksi **air**. Maka, oleh kerana **itu**, untuk menjaga lalu-lintas di tasik-tasik, laut-laut di antara pulau, satu hari nanti jet-ski ini kemungkinan menjadi teksi air ataupun untuk leisure, saya rasa jet-ski juga mesti ditakrifkan di bawah 'ship' dan juga mesti dikenakan untuk mendapat lesen untuk memiliki jet-ski **ini**.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja pandangan saya dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan **Yang di-Pertua**: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya menjemput pihak Kementerian menjawab.

5.53 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [**Tuan Ong Ka Ting**]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membincangkan Rang Undang-undang yang telah dicadangkan tadi dan telah memberikan banyak pandangan, cadangan dan juga teguran yang membina.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah telah memberi satu gambaram yang baik dan tepat bahawa tibalah masanya

Kerajaan memperkemaskinikan undang-undang yang berkaitan dengan kegiatan kelautan supaya boleh membantu negara kita dari segi pembangunan pesat dari segi semua kegiatan yang boleh mendatangkan faedah ekonomi. Memang betul bahawa salah satu tujuan dari pindaan ini ialah menjadikan Pelabuhan Klang terutamanya dan juga pelabuhan-pelabuhan yang lain sebagai pelabuhan yang boleh meningkatkan dan berkembang dengan baik menjadi Pelabuhan Pusat Muatan ataupun Load Centre Port seperti mana yang saya telah terangkan tadi.

Mengenai Convention Civil Liability Fund telah pun disebut oleh **Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah**. Perkara ini sebenarnya tidak berkait dengan pindaan pada kali ini. Walau bagaimanapun, melalui pindaan Akta Perkapalan Saudagar 1993, perkara yang berkaitan telah pun diambil kira.

Yang Berhormat Senator K. Munisamy telah membangkitkan beberapa perkara. Salah satu perkara yang dibangkitkan, bukan sahaja **Yang Berhormat Munisamy**, ada juga Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain telah menyentuh tentang pembuangan minyak ataupun pencemaran di perairan Malaysia.

Di sini, saya ingin menjelaskan bahawa sebarang pencemaran pembuangan minyak ataupun pencemaran yang lain, sebenarnya undang-undang yang sedia ada, walaupun kita tidak bincangkan di sini, undang-undang negara kita sudah pun ada peruntukan untuk memastikan mereka yang terlibat itu bertanggungjawab dan perlu

membayar segala kerugian yang ditimbulkan oleh mereka. Dan di sini saya juga ingin mengingatkan pada Dewan ini bahawa seksyen-seksyen yang dipinda pada masa sekarang ini, bukan melibatkan seluruh Akta Saudagar.

Kalau kita tengok Merchant Shipping Ordinance 1952 cukup banyak seksyen yang raelibatkan semua kegiatan termasuk pencemaran (Pollution). Kalau kita tengok 'pollution' di bawah chapter "pollution" itu, banyak peruntukan-peruntukan untuk mengawal pencemaran di perairan. Jadi, bukan bergantung kepada hanya satu definisi atau takrif 'dumping' di sini. Apa yang kita buat pada hari ini tujuannya bukan untuk tujuan mencegah pencemaran sepertiraana yang saya telah terangkan beberapa tujuan utama tadi oleh kerana 'dumping'¹ untuk operasi normal oleh kapal-kapal, kita kena ikut undang-undang antarabangsa (international law). Tidak boleh kita suka-suka ikut takrif Malaysia. Kalau tidak, nanti ia tidak ada satu keseragaman, susah untuk kita kuatkuasa. Mengikut takrif antarabangsa "disposal of any material at sea...".

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]

Tuan Tang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

Datuk Haji Mohamed Kazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang ini kita tidak bincangkan 'merchant ship'. Kita bincangkan tentang kapal-kapal kecil. Jadi, kalau pihak Kementerian" menjawab, bahawa dalam Rang Undang-undang yang

melibatkan 'merchant ship' itu semua sudah ketat. Ini bermakna bahawa kalau kapal antarabangsa yang besar tidak boleh melakukan pencemaran tetapi kapal kecil, kerana ia kapal Malaysia, ia boleh melakukan pencemaran. Satu-saya hendak kata maknanya saya kurang puas dengan jawapan itulah.

Kedua, saya hendak kata, saya setuju maknanya international law' dia ada takrif 'dumping' dan kita tidak boleh mentakrif dengan sesuka hati kita tetapi kalau kita lihat, kita membincangkan tentang kapal kecil dan kapal kecil ini kita bercakap tentang perairan Malaysia, kapal individu kepunyaan orang Malaysia.

Jadi, saya rasa kita boleh membuat undang-undang kerana untuk negara Malaysia kita yang bersabit dengan kapal-kapal Malaysia. Asalkan takrif kita itu jangan lebih longgar dari takrif dunia. Kalau takrif kita itu lebih ketat, saya ingat itu tidak menjadi masalah dan bila saya bercakap tentang takrif 'dumping', dengan izin, I am talking about Malaysian ship. Di sini kita membincangkan tentang 'Malaysian ship', sebab itu kita cakap tentang jet-ski kepunyaan negara Malaysia untuk kegunaan di tanah air kita. Jadi, saya takut nanti kalau dijawab iaitu 'merchant ship' sudah kawal ketat, ini seolah-olah "Malayaian ship" sudah kawal ketat ini seolah-olah 'Malaysian ship' boleh mencemarkan perairan kita. Jadi, saya kurang puaslah dengan jawapan itu.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya belum dapat terangkan tentang 'dumping' tadi, Yang Berhormat Datuk sudah bangun menyuarakan ketidakpuasannya.

Mengikut takrif undang-undang antarabangsa di mana 'dumping' yang dibenarkan ini sebenarnya apa yang saya cuba jawab tadi ialah, "disposal of any material incidental to, or derived from the normal operation of ships" boleh dibenarkan sekiranya ia menurut tahap yang boleh dibenarkan, Ini adalah satu standard yang diterima oleh semua negara. Sebaliknya kalau 'dumping' tersebut melebihi daripada had yang ditetapkan, maka ia sudah tidak dikira sebagai normal operation.

Maka pihak berkuasa boleh bertindak tidak kira ia kapal besarkah atau kapal kecil. Tujuan kita hendak pinda Akta hari ini ialah bagi membolehkan kapal yang di bawah 150 tan itu yang ditakrifkan sebagai kapal kecil supaya mereka boleh didaftarkan dengan lebih mudah daripada kapal-kapal yang besar, kapal-kapal saudagar yang ada lebih banyak keperluan yang lain. Jadi, walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz memang adalah boleh kita ambil kira dari segi penguatkuasaannya nanti iaitu jika sekiranya berlaku sesuatu penyelewengan yang telah menyebabkan pencemaran dan sebagainya daripada bot-bot kecil itu, saya rasa kita boleh timbang atau tengok perkara ini daripada segi penguatkuasaan nanti.

Mengenai merchant shipping ataupun perkapalan saudagar ini, hari ini kita sedang pinda Akta 'The Merchant Shipping Ordinance'. Kita tidak boleh elak daripada bincang walaupun tidak ada kaitan dengan perkapalan saudagar ini, tidak kira ia kapal besar atau kapal kecil.

Saya telah beritahu tadi ada satu chapter khas untuk pollution. Maka kalau kita pada petang ini hendak bincangkan semua implikasi, semua bidang kuasa yang ada kaitan dengan satu Akta yang begitu luas, saya rasa masa tidak mengizinkan dan saya juga mengaku bahawa saya bukan daripada Kementerian yang berkenaan, saya tidak mahir untuk masuk satu persatu secara spesifik. Itu saya perlu terus terang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan K. Munusamy juga menyentuh mengenai kemampuan tenaga kakitangan Jabatan Laut dan perkara ini juga ada dibangkitkan sama oleh Yang Berhormat yang lain. Sebenarnya Jabatan Laut mempunyai kakitangan dan peralatan untuk operasi membersihkan minyak. Dari segi penguatkuasaan yang

lain dan juga fungsi yang lain, Jabatan Laut akan terus dari semasa ke semasa mempertingkatkan mengikut keperluan semasa. Lagipun, pada hari ini pindaan Akta ini kita tidak boleh kuatkuasakan dengan serta merta. Sebenarnya kita membolehkan Menteri .Pengangkutan untuk mempunyai kuasa berbuat demikian pada masa yang sesuai. Apabila pada masa,yang sesuai di mana penguatkuasaannya semua boleh berjalan dengan sempurna,' maka Menteri akan gunakan kuasa yang telah diberikan oleh Dewan yang mulia ini dengan sepenuhnya.

Mengenai perjudian di atas kapal yang saya ditahamkan cruise vessel,mengikut undang-undang antarabangsa dan undang-undang negara kita, kita tidak mempunyai kuasa untuk menghalang mana-mana satu kapal seperti cruise vessel sekiranya ada yang menjalankan kegiatan kasino sekiranya mereka berada di perairan antarabangsa, kecuali apabila berada di perairan Malaysia. Jika kegiatan itu dijalankan di perairan Malaysia maka pihak berkuasa di sini mempunyai kuasa untuk bertindak mengikut undang-undang Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Ding Seling telah menyebutkan beberapa perkara di mana saya telah menjawab tentang tenaga kakitangan, kedudukan organisasi kakitangan Jabatan Laut di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak semuanya sedang dikaji dan disusun semula. Maka, saya rasa perkara ini adalah diberi perhatian yang secukupnya oleh Kementerian Pengangkutan.

Sebarang pencemaran minyak di sungai atau apa-apa perkara yang ada kaitan dengan sungai sebenarnya pihak yang bertanggungjawab ialah pihak Kerajaan Negeri. Pihak Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab untuk menjaga sungai-sungai. Walau bagaimanapun, Jabatan Laut dan juga Kementerian sentiasa bekerjasama dengan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan.

Yang Berhormat Tuan Ding Seling juga menyebut tentang pelesenan bot-bot di-Sabah, Sarawak dan sebagainya. Pada masa dulu sebelum pindaan Akta Kapal Saudagar 1952 tidak terpakai bagi bot-bot yang didaftar di bawah MSO Sabah dan Sarawak. Pada kali ini kita pindahkan Akta ini untuk diseragamkan supaya semua kegiatan boleh kita kawal dengan baik.

Yang Berhormat **Datuk Haji Mohamed Nazribin Abdul Aziz** telah menyebutkan beberapa perkara yang melibatkan takrif. Selain daripada apa yang telah dapat saya jawab tadi, di sini saya akan cuba menerangkan dari segi takrif "ship". Takrif "ship" telah pun berada di dalam ordinan 1952 ini. Takrif sebenarnya dalam Akta, kalau kita kaji semuanya ada di situ. Iaitu takrif "ship" dan juga "bot" adalah telah wujud dalam Akta ini. Di mana "bot" boleh didefinisikan sebagai "any vessel below 500 tons gross plying between the rivers of a state inevitable by sea-going vessel or between the coastal waters of such state extending up to the outer limits of the Pederation waters". Semua ini telah pun ada di dalam Akta, Jadi, kalau kita hendak menerangkan satu demi satu, ia ambil. Begitu juga perairan Malaysia. Perairan Malaysia telah ditakrif adalah biasanya 12 batu nautika daripada pantai dan juga ini adalah selaras menurut undang-undang antarabangsa. Tetapi takrif ini tidak termasuk tasik, namun demikian tasik termasuk sebagai perairan dalam ataupun inland waters. Jet-ski boleh turut dikawal di bawah Rang Undang-undang ini.

kan telah saya cuba jawab tadi. Walau bagaimanapun, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat dan sekiranya ada apa-apa teguran, cadangan yang tidak dapat dijawab dengan sempurna dan memuaskan, saya rasa Kementerian Pengangkutan akan mengambil perhatian dan akan sentiasa bertindak mengikut undang-undang semana boleh. Itulah sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI
PEMBINAAN MALAYSIA 1994

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.13 ptg.

Menteri Kerja Raya [Datuk Leo Moggie anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang yang bernama Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 dibentangkan bagi bacaan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membuat peruntukan berkenaan dengan penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia. Industri pembinaan merupakan satu industri yang berperanan penting dalam pembangunan negara. Bagi beberapa tahun kebelakangan ini, industri pembinaan telah mencatatkan pertumbuhan yang amat menggalakkan iaitu kira-kira 13% setahun. Sumbangan industri ini pada Keluaran Dalam Negara Kasar pada tahun 1992 adalah 3.9% dan dijangka meningkat hampir dua kali ganda menjelang tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian kualiti sesuatu projek pembinaan bergantung kepada -semua pihak iaitu pelanggan, pemaju, pereka bentuk, perunding dan ahli-ahli profesional, kontraktor, sub-kontraktor dan seterusnya. Setiap pihak yang saya telah sebutkan itu mempunyai peranan masing-masing dan peranan-peranan itu perlu dikordinasikan bagi mencapai kualiti pembinaan yang berkesan. Justeru itu, suatu Badan yang bertanggungjawab menyelaraskan perkembangan industri pembinaan amatlah perlu diwujudkan.

Akta yang saya bantangkan ini bertujuan untuk membolehkan Kerajaan untuk menubuhkan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia bagi tujuan tersebut. Lembaga, apabila ditubuhkan, akan mengadakan sistem pendaftaran kontraktor dan pengiktirafan pekerja-pekerja mahir dan penyelia tapak perabinaan. Di bawah Akta ini, kontraktor yang hendak menjalankan kerja-kerja pembinaan hendaklah mendaftar dengan Lembaga terlebih dahulu. Ada sesetengah orang mungkin berpendapat ini akan menimbulkan masalah bagi kontraktor-kontraktor kecil dan ianya pada anggapan mereka mungkin menjejaskan perkembangan pihak-pihak kontraktor di negara ini dan menjejaskan kedudukan pekerja-pekerja dalam sektor pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, anggapan serupa itu sebenarnya tidaklah timbul. Sekiranya industri pembinaan dibiarkan seperti sedia kala, kedudukan sebahagian raereka akan terus kurang memuaskan, yang telah pun mengakibatkan beberapa peristiwa di mana bangunan-bangunan runtuh. Pihak-pihak "consumers" mendapat kualiti rumah yang dibina tidak mencapai tahap yang diperlukan. Pihak pengguna, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, telah di'shortchanged'.

Bagi projek-projek Kerajaan, mungkin kedudukan tidaklah begitu membimbangkan. Ianya diurus dan diselikan oleh engineers bertauliah. Bagi projek pihak swasta pula terdapat kelemahan-kelemahan berlaku. Untuk sesuatu industri yang boleh dibanggakan, pihak kontraktor-kontraktor perlu senantiasa peka pada tanggungjawab masyarakat. Bagi pekerja-pekerjapula, kelemahan sekarang ialah oleh kerana tidak ada sistem pengiktirafan. Pihak pekerja-pekerja di negara ini tidak berapa cenderung untuk bekerja dalam industri binaan. Justeru itu, banyak pekerja-pekerja dari luar negara masih terlibat dalam pekerjaan dalam industri perabinaan di negara ini. Dalam jangka masa panjang, negara ini tidak boleh bergantung kepada keadaan sedemikian. Kita perlu memberi peluang bagi pekerja-pekerja tempatan mempunyai tahap kemahiran yang disanjung dan ini akan dapat ditentukan sekiranya ada sistem pengiktirafan bagi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa di waktu 'transition', dengan izin, pekerja-pekerja yang telah pun bekerja dalam syarikat pembinaan sekarang akan secara automatik diberi pengiktirafan. Ini untuk menjamin mereka yang telah terlibat dalam syarikat pembinaan sekarang akan terus berpeluang untuk mendapat pekerjaan yang juga diiktirafkan. Mereka tidaklah payah bimbang.

Bagi mereka yang baru menceburi diri dalam industri pembinaan, mereka akan memerlukan latihan, termasuk ujian sambil bekerja untuk mendapatkan pengiktirafan kemahiran. Semua langkah ini akan dapat mewujudkan satu profesionalisme di kalangan kontraktor-kontraktor serta mewujudkan golongan pekerja-pekerja mahir yang akan mendapat upah yang setanding sebagai satu profesion.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya menerangkan di sini oleh kerana mungkin kita memerlukan masa bagi pihak-pihak kontraktor memberi latihan untuk pekerja-pekerja mereka bahawa di waktu Dewan Rakyat berbincang dalam peringkat Jawatankuasa, saya telah memotong Fasal 34 daripada Rang Undang-undang ini, Tindakan ini juga akan memberi keyakinan kepada pengguna-pengguna dari segi mutu dan kualiti kerja binaan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan untuk mendaftarkan kontraktor dan mengiktirafkan pekerja-pekerja mahir amatlah diperlukan bagi memastikan yang terlibat benar-benar layak dari segi teknikal dan dapat memenuhi standard, kualiti dan keselamatan yang diperlukan. Walaupun demikian, peruntukan juga diadakan dalam Akta ini bagi Menteri mengecualikan pendaftaran kontraktor yang melaksanakan kerja pembinaan .sebuah rumah kediaman sendiri atau kontraktor yang mempunyai kurang dari tiga orang pekerja ataupun dari segi alasan lain yang difikirkan munasabah yang sejajar dengan tujuan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran dengan Lembaga adalah dari segi kelayakan sebagai kontraktor profesional dan tidak merupakan sebagai satu kelayakan untuk mengambil bahagian dalam projek-projek

Kerajaan. Untuk maksud demikian, kontraktor-kontraktor yang hendak bertanding untuk melaksanakan projek-projek Kerajaan masih lagi perlu berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor.

Sebahagian daripada 'firma-firma pembinaan tempatan sudah pun mencapai tahap yang dibanggakan dan masanya sudah tiba bagi kita menggalakkan mereka melibatkan diri dalam kerja-kerja di luar negara, khususnya di negara-negara yang sedang membangun. Satu dari tugas yang akan dikendalikan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia ialah membantu firma-firma tempatan mengeha pasti dan menembusi pasaran binaan antarabangsa. Lembaga ini dicadangkan akan menggembungkan sumber kewangan dan kepakaran tempatan supaya firma-firma binaan tempatan akan berupaya bersaing dalam pasaran pembinaan antarabangsa seperti yang kita lihat di negara-negara lain di Korea dan Jepun.

Buat masa ini tidak ada satu pun badan khusus bagi mengumpul maklumat-maklumat berkenaan industri binaan walhal maklumat-maklumat sedemikian penting sebagai bahan rujukan untuk pakar-pakar perunding, pelabur-pelabur luar dan dalam negeri dan orang-orang awam bagi berbagai-bagai tujuan seperti penyediaan kajian kemungktan, penentuan harga tender untuk kontraktor-kontraktor tempatan menceburi diri dalam industri binaan di peringkat antarabangsa. Lembaga ini juga akan ditugaskan untuk mengumpul maklumat-maklumat tersebut untuk disebarikan kepada pihak-pihak yang menghendakinya.

Untuk membolehkan Lembaga menjalankan fungsi dan tanggungjawabnya dengan berkesan, adalah dicadangkan ianya bergerak sebagai organisasi yang 'private-sector driven'. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan keahlian Lembaga terdiri dari seorang Pengerusi, enam orang daripada sektor swasta dan empat orang dari sektor awam.

Dari segi kewangan pula, Lembaga adalah 'self-financing', kecuali geran pelancaran yang diperlukan pada peringkat penubuhannya. Dana Lembaga akan disumberkan dari levi yang dikenakan ke atas kontraktor-kontraktor harga kontrak yang melebihi RM500,000. Lain sumber kewangan adalah daripada perkhidmatan perundingan dan nasihat, operasi sistem maklumat industri perabinaan, caj-caj yang dikenakan dan lain-lain kutipan dan pinjaman yang boleh dilakukan oleh Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia amatlah perlu dan sebenarnya telah pun ditunggu-tunggu oleh mereka yang terlibat dalam industri binaan. Tanya

bertujuan untuk memperbaiki arus perkembangan industri binaan dan meningkatkan profesionalisme mereka. Dengan tindakan sedemikian industri pembinaan akan dapat meningkatkan sumbangannya kepada ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat **[Tuan Yong Khoon Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk menubuhkan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi-fungsinya yang berhubungan dengan industri pembinaan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Fu Ah Kiow.

6.23 ptg.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih atas peluang yang diberi untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, menjelang tahun 2020 negara kita telah berwawasan dan menjadi sebuah negara yang maju. Dalam masa abad 21 ini adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan cuba mernpertingkatkan kualiti barangan dan perkhidmatan di semua bidang, termasuk di bidang pembinaan. Maka dengan tujuan membentangkan Rang Undang-undang ini, kita harap bahawa mutu dan kualiti perkhidmatan dalam bidang pembinaan dapat dipertingkatkan.

Saya sokong hasrat Kerajaan yang baik ini untuk mernpertingkatkan kualiti industri pembinaan. Namun demikian, saya hendak minta beberapa penjelasan dan juga ingin membangkitkan beberapa perkara.

Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VI telah memperuntukkan Pendaftaran Kontraktor di mana kalau seseorang kontraktor tidak didaftar dan didapati telah menjalankan kerja kontrak, kalau disabit kesalahan, mereka boleh didenda tidak melebihi RM50,000.

Bahagian VII memperuntukkan bahawa Lembaga perlu mengakreditasi dan memperakui pekerja-pekerja mahir dalam bidang pembinaan dan juga penyelia tapak pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam muka surat 6 Rang Undang-undang ini telah memberi takrifan "kontraktor", saya baca, dengan izin:

"kontraktor" ertinya seseorang yang mengakujajangi untuk menjalankan dan menyiapkan apa-apa kerja pembinaan;"

Soalan saya ialah dalam takrifan "kontraktor", seseorang itu bermakna seorang manusia atau ia juga termasuk 'legal person atau syarikat. Maksud saya 'kontraktor' itu bermakna seorang manusia sahaja atau juga termasuk syarikat yang perlu didaftar sebagai kontraktor.

Soalan kedua ialah kalau seorang pekerja mahir yang telah diiktiraf sebagai seorang pekerja yang mahir, tetapi ia juga mengambil kerja sebagai seorang kontraktor atau sebagai seorang subkontraktor yang mengupah lebih dari empat orang pekerja, adakah dia juga perlu didaftar sebagai seorang kontraktor? Itu soalan kedua.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pendaftaran kontraktor, saya ingin tahu adakah Lembaga akan mengenakan syarat-syarat untuk pendaftaran, seperti modal berbayar, struktur ekuiti, galakan kakitangan syarikat atau kontraktor itu, pengalaman dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membayangkan bahawa ramai kontraktor atau subkontraktor yang ada sekarang adalah biasanya mereka beroperasi kecil-kecilan dan mereka tidak mempunyai modal yang besar dan juga tidak mempunyai pendidikan yang tinggi atau memiliki sijil kelayakan yang tinggi. Maka saya harap Lembaga akan memudahkan semua prosedur dalam pendaftaran kontraktor.

Saya juga ingin tahu, dalam proses mendaftarkan kontraktor, adakah ini bermakna kalau seseorang atau satu syarikat telah berdaftar dengan PKK akan dikecualikan pendaftaran dengan Lembaga?

Tuan Yang di-Pertua, mengenai akreditasi dan perakuan pekerja-pekerja binaan mahir dan penyelia tapak yang disebut dalam Fasal 32, saya ingin minta sedikit penjelasan iaitu kalau seorang pekerja yang tidak diperakui oleh Lembaga dan kalau dia menjalankan kerja pembinaan, adakah ini bermakna beliau telah melakukan satu kesalahan? Kalau beliau telah melakukan kesalahan, apa dendanya kalau disabit? Kalau dia cuma bekerja sebagai seorang pekerja mahir, tetapi dia belum diperakui sebagai seorang pekerja mahir, adakah ini bermakna dia telah melakukan satu kesalahan?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu juga dalam proses mengakreditasikan seseorang pekerja mahir, apa kriteria atau asas yang akan digunakan untuk memperakui seorang pekerja mahir atau penyelia tapak? Saya harap dalam perkara ini, Lembaga akan mengumumkan segala cara dan bentuk untuk memperakui pekerja-pekerja mahir dengan teliti dan jelas supaya mereka yang terlibat semuanya tahu syarat-syaratnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, saya rasa untuk memperakui pekerja-pekerja mahir, kriteria-kriteria seperti berikut tidak harus digunakan, iaitu yang pertama, pengetahuan. Saya rasa seorang pekerja mahir mungkin pandai dan handal dalam pertukangannya, tetapi mungkin dia tidak mempunyai pengetahuan tentang bahan-bahan pembinaan, tentang sebab-sebab mereka perlu menggunakan satu bahan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung esok.

Tuan Fu Ah Kiow: Baik, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.